



# Berita JMM

Newsletter Department of Museums Malaysia



Jilid 11 / Bilangan 3 - JULAI - DISEMBER 2011

ISSN 2231-8321

## KONVENSYEN KIK PERINGKAT KPKK JABATAN MUZIUM MALAYSIA



KIK Memberikan Ruang Warga KPKK untuk Berinovasi

3

Majlis Perjumpaan Bersama Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, KSU KPKK

5

## Sidang redaksi

### Penasihat

Dato' Ibrahim bin Ismail

### Ketua Editor

Wan Jamaluddin bin Wan Yusuf

### Editor

Haji Zawawi bin Haji Itam Osman  
Kamarul Baharin bin A. Kasim  
Mohd Azmi bin Mohd Yusof  
Zanita binti Anuar

### Penyelaras

Bahagian Penyelidikan

### Reka Bentuk dan Reka Letak

Nor Hasni binti Che Hassan  
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

### Fotografi

Sumber Media

### Edaran

Unit Perpustakaan

### Diterbitkan oleh

Jabatan Muzium Malaysia,  
Jalan Damansara,  
50566 Kuala Lumpur.  
Tel: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255  
Faks: (+603) 2282-6434  
<http://www.jmm.gov.my>

### Dicetak oleh

Blue -T Communication Sdn. Bhd.,  
4-1, Jalan Wangsa Setia,  
35330 Wangsa Melawati, Kuala Lumpur.  
Tel: (+603) 4149 4119

## BERITA JMM

Diterbitkan tiga bulan sekali. Pendapat dan cadangan yang tertera dalam apa jua bentuk tidak semestinya mencerminkan pendapat dan cadangan pengurusan JMM. Kandungan yang diterbitkan boleh disiaran semula dengan izin Editor Berita JMM. Sidang redaksi mengalu-alukan berita dan rencana yang padat serta ringkas daripada kakitangan jabatan. Sidang redaksi berhak mengedit bahan tersebut.

## Lidah Pengarang



Tekad untuk menjadikan institusi permuzium sebagai sebuah tempat pendidikan tidak formal yang unggul memerlukan satu usaha berterusan dan berkesinambungan yang mantap. Mewarisi usaha-usaha Ptolemy dan Aristotle sehingga penubuhan muzium pertama pada abad ketiga Sebelum Masihi, institusi muzium telah melangkah mengikut arus perkembangan tamadun manusia. Kini muzium menjadi platform dalam menterjemahkan hasil pemikiran, pengumpulan bahan dan kecemerlangan usaha penyelidikan sejak berabad-abad lamanya. Ironinya, muzium bukan sekadar repositori khazanah warisan negara, malahan usaha pendokumentasian, pemeliharaan dan pemuliharaan secara sistematik dan saintifik perlu seiring dengan perkembangan teknologi. Menggabungkan konsep tradisi dan kontemporari, muzium menuju matlamat sebagai pusat rujukan dan tumpuan pelawat dari dalam dan luar negara dalam mendapatkan ilmu pengetahuan dan pemahaman yang tepat tentang sejarah dan budaya sesuatu bangsa dan sesebuah negara.

Evolusi permuzium sebagai gedung ilmu bermula dari zaman kegelapan (*dark age*) atau era "archaic", sehingga menempuh Zaman Renaissance yang menekankan aspek *word of arts, microsme* dan *antiquities* telah memperlihatkan kepentingan muzium dalam sesebuah negara. Menempuh zaman klasik bermula pada abad ke-18 sehingga zaman kontemporari serta era globalisasi berdasarkan konsep ensiklopedia, muzium telah menjadi kepentingan awam dari segi pengkongsian ilmu pengetahuan.

Seterusnya, cabaran muzium pada tahun-tahun mendatang telah dilihat dari segi pulangan ekonomi, impak sosial dan fungsi sivik serta sumbangan terhadap prestasi akademik dan kreativiti negara. Penyelidikan oleh *Museums Libraries dan Archives Council dan London School of Economic* telah menemukan hasil yang menakutkan kepulangan ekonomi terhadap United Kingdom mencecah angka billion poun. Menyedari hakikat itu, institusi muzium di negara ini harus lebih yakin melangkah cabaran-cabaran mendatang dan memainkan peranan dalam konteks negara yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Ekspedisi muzium dalam mencapai misi dan visi serta menempatkan institusi muzium sebagai elemen penting dalam pembangunan negara, pasti mencapai matlamatnya melalui peningkatan tahap profesional yang mampan.

"Kunjungilah Muzium"

Kamarul Baharin A. Kasim

Pengarah  
Muzium Negara  
Jabatan Muzium Malaysia  
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan,  
Malaysia

# KIK BERI RUANG WARGA KPKK UNTUK BERINOVASI

Oleh: Nor Hasni binti Che Hassan, Bahagian Penyelidikan (hasni@jmm.gov.my)



YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Staraf serta pegawai kanan Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawah KPKK, sedang memberi perhatian terhadap persembahan projek KIK.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) kini memberikan lebih ruang kepada warga jabatan dan agensi di bawah kementeriannya untuk berinovasi dan menunjukkan daya kreativiti dalam menerbitkan idea-idea baharu.

Ketua Setiausaha KPKK, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Staraf berkata konvensyen KIK ini menandakan perkhidmatan awam mendakap sepenuhnya hasrat kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia dan khasnya Jabatan Perkhidmatan Awam menjadi sebuah perkhidmatan yang berubah mengikut masa dan keadaan. Seterusnya dapat memajukan negara sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi pada masa-masa akan datang.

Menurutnya, inovasi berkenaan turut merangkumi koedah untuk mengeluarkan pekerja awam daripada kelaziman dan dari membuat kerja-kerja biasa dan rutin sahaja. Gaya dan koedah penyampaian perkhidmatan kementerian/jabatan/agensi perlu sentiasa ditambah baik dan tidak statik.



Jamil bin Haron, Kurator Unit Sukarelawan Muzium dan Pengacaraan yang mewakili kumpulan Jemari Kreatif dari JMM sedang membentangkan projek KIK.



Antara kumpulan yang turut mengambil bahagian dalam pertandingan KIK peringkat KPKK 2011.



YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha KPKK disambut oleh YBhg. Dato Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM.

"Semangat kerja berpasukan yang kuat amat perlu dan kita harus bersama-sama menghadapi apa jua cabaran yang mungkin menghalang pencapaian dan objektif kita. Kerjasama yang berterusan tanpa jurang antara jabatan-jabatan di bawah KPKK amat penting. Objektif KIK ialah menambahbaik peningkatan produktiviti kerja khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Semua pegawai KPKK perlu menggunakan pendekatan inovatif dan kreatif dengan memperkenalkan kaedah baru yang membawa impak yang signifikan dalam aspek penghasilan produk dan perkhidmatan,"

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen KIK pada 22 November 2011 di Auditorium JMM. Jelasnya, nilai-nilai murni yang dipupuk dalam KIK seperti semangat berpasukan, ketekunan, kegigihan dan lampas otak harus dikekalkan dalam kerja-kerja seharian supaya KPKK dikenali sebagai kementerian yang tinggi prestasinya. Beliau turut menyeru kepada kakitangan KPKK untuk terus menghayati usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti. Tambahnya, inovasi bukan sahaja menjadi kunci kejayaan kepada sesebuah organisasi, malah ia juga berperanan melonjakkan kemajuan sesebuah negara sehingga berjaya mengukuhkan kedudukan di dalam ranking daya saing global.



Kumpulan Jemari Kreatif dari JMM sedang menjawab soalan dari panel hakim dalam sesi soal jawab setelah selesai membentangkan projek KIK mereka.



Jemputan yang hadir khusyuk mendengar pembentangan kumpulan-kumpulan yang mengambil bahagian dalam pertandingan KIK peringkat KPKK 2011.

# Majlis Perjumpaan Bersama Dato' Seri Kamaruddin Siaraf, KSU KPKK

Oleh: Halunnisyam binti Md. Jamil, Bahagian Pengurusan (halunnisyam@jmm.gov.my)



YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha KPKK, memberikan ucapan ucapan tama ketika Majlis Perjumpaan bersama beliau di Jabatan Muzium Malaysia.

Majlis perjumpaan bersama Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah adakan pada 27 Oktober 2011 di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Perjumpaan ini adalah di antara Pegawai daripada Skim Jurusolek, Ahli Muzik, Kurator, Penolong Kurator, Pembantu Muzium, Pegawai Penyelidik Sosial, Penolong Pegawai Penyelidik Sosial bersama Ketua Perkhidmatan, Ketua Setiausaha KPKK.

Perjumpaan ini bertujuan memberikan penerangan kepada pegawai-pegawai skim di bawah Ketua Perkhidmatan, Ketua Setiausaha KPKK tentang peranan dan tanggungjawab pegawai terhadap Ketua Perkhidmatan. Program ini juga memberikan peluang dan ruang kepada pegawai untuk mengenali Ketua Perkhidmatan, di samping boleh mengutarakan masalah-masalah yang dihadapi. Selain itu, Bahagian Sumber Manusia, KPKK ingin mengambil peluang daripada perjumpaan ini untuk mendapatkan maklumat peribadi pegawai bagi tujuan rekod dan pengurusan perkhidmatan. Seramai 168 orang telah hadir.

Dalam ucapan tama KSU selaku Ketua Perkhidmatan, beliau telah menekankan bahawa Skim perkhidmatan di bawah

Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK) disatukan adalah bertujuan mewujudkan satu keadaan kesemua kakitangan di bawah skim ini adalah pelbagai guna, pelbagai kemahiran dan boleh pindah di antara jabatan-jabatan lain. Ini bertujuan untuk memberikan motivasi dan suasana baru kepada kakitangan yang telah lama berada di sesebuah jabatan di samping membuka ruang dan peluang bagi kenaikan pangkat.



Barisan pegawai kanan dan kakitangan JMM yang hadir dalam taklimat khas bersama KSU, KPKK.



Staf JMM yang hadir sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh YBhg. Dato' KSU.

Ini adalah seiring dalam melaksanakan amanat Ketua Setiausaha Negara dan YBhg. Tan Sri KPPA bagi melahirkan sebuah organisasi yang dapat digerakkan dengan jumlah kakitangan yang minimum dengan bantuan kemajuan teknologi yang tinggi. Walaupun bilangan kakitangan akan dikurangkan tetapi kecekapan dan produktiviti akan bertambah dengan adanya kakitangan yang pelbagai guna dan pelbagai kemahiran.

YBhg. Dato' KSU juga menegaskan bahawa setiap kakitangan kerajaan perlu menanamkan dalam diri mereka bahawa setiap tugas yang diberikan akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Sekiranya budaya ini diterapkan dalam diri setiap kakitangan kerajaan, pasti tidak akan ada rungutan daripada rakyat berkaitan kerajaan. Ini adalah seiring dengan laungan slogan "1Malaysia rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan". Rakyat berhak untuk mendapatkan sesuatu yang terbaik daripada kerajaan. Oleh sebab itu, sekiranya kakitangan kerajaan tidak memberikan perkhidmatan yang terbaik, maka sokongan rakyat terhadap kerajaan akan berkurangan. Oleh itu, rakyat didahulukan ini harus dihayati oleh semua kakitangan kerajaan dengan mendahulukan pelanggan-pelanggan dengan melaksanakan setiap tugas sebaik mungkin.

Setiap kakitangan perlu mempunyai KPI mereka sendiri dan KPI ini mestilah dipantau dengan sempurna oleh ketua masing-masing supaya prestasi setiap kakitangan di bawah seliaan mereka dapat diketahui dengan baik.

Ini adalah bagi membantu melahirkan pegawai dan kakitangan yang bermutu dan dapat menjalankan setiap tugas dengan baik.

Beliau turut memaklumkan bahawa Kementerian dalam proses membuat permohonan kepada JPA untuk memastikan skim perkhidmatan bagi jawatan jurusolek, artis budaya dan ahli muzik dinaikkan kepada sekurang-kurangnya gred 17. Kementerian merasakan mereka adalah daripada golongan yang berbakat dan berkecayaan yang perlu diberi perhatian. Begitu juga dengan Dasar *exit policy* yang diamalkan oleh kerajaan pada masa kini memberikan pilihan kepada kakitangan yang ingin bersara awal dari perkhidmatan atau merasakan mereka tidak boleh melaksanakan tugas dengan baik disebabkan hal-hal peribadi.

Di akhir ucapan, beliau menekankan tentang integriti, kecekapan, jati diri di samping mengamalkan nilai-nilai murni perlu menjadi tunggak utama dalam sesebuah organisasi supaya perkhidmatan awam akan bertambah baik pada masa akan datang. Setiap kakitangan juga mestilah menonjolkan ciri-ciri terbaik yang ada dalam diri mereka samaada dari segi penghasilan kerja yang berkualiti, cara percakapan, cara berhadapan dengan ketua mahu pun orang ramai. Kita sebagai kakitangan kerajaan juga mestilah sentiasa kreatif dalam setiap tugas yang dijalankan supaya setiap apa yang cuba disampaikan akan diterima baik oleh semua lapisan masyarakat termasuk golongan muda di samping sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan mengamalkan pembelajaran secara berterusan.

YBhg. Dato' KSU turut menyeru agar semua kakitangan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan tekun dalam melaksanakan segala tugas seperti yang diamanahkan dalam membantu kementerian mencapai produktiviti yang tinggi dan bersama-sama dalam memastikan semua objektif kementerian dalam memberikan perkhidmatan yang lebih baik dapat dicapai pada masa akan datang.

# Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKK

Oleh: Norhaliza binti Harun, Bahagian Inovasi Muzium (norhaliza@jmm.gov.my)

JMM telah diberikan penghormatan buat julung-julung kalinya sebagai tuan rumah sempena Sambutan Hari Inovasi KPKK 2011 yang telah diadakan pada 22-24 November 2011. Antara pengisian Sambutan Hari Inovasi ini termasuklah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di peringkat KPKK yang berlangsung di Auditorium JMM dari 22-23 November dan Pameran Hari Inovasi yang berlangsung di perkarangan Dataran Muzium dari 22-24 November 2011.

Tema hari Inovasi tahun ini ialah "Inovasi Meneraju Transformasi Satu Malaysia". Tema Pameran muzium pula adalah "Budaya Inovasi Teras Transformasi", Pameran ini memperlihatkan usaha sebenar JMM khususnya dua pemenang utama suatu program pembudayaan inovasi yang dilaksanakan oleh JMM.



Barisan Urus Setia yang menjayakan Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKK 2011.



Persembahan kebudayaan dari Istana Budaya berjaya menarik perhatian para pengunjung yang berkunjung ke Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKK.

Dianggarkan seramai 500 warga KPKK daripada 20 agensi yang bernaung di bawah KPKK menghadiri Sambutan Hari Inovasi dan memberikan sokongan kepada kumpulan KIK masing-masing yang telah diadakan di Auditorium JMM.

Sambutan Hari Inovasi ini berjaya memupuk kesepakatan dan semangat berpasukan/kekitaan (*esprit de corps*), berkongsi pengalaman inovasi antara jabatan, menggalakkan persaingan sihat antara bahagian/jabatan awam ke arah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan masing-masing serta memberikan pendedahan kepada agensi yang telah mencapai tahap cemerlang dalam mencipta cara kerja baru atau menghasilkan inovasi.

Majlis Perasmian dan Penyampaian hadiah yang dijadualkan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, Menteri KPKK pada jam 11 pagi, hari Khamis 24 November telah ditunda oleh pihak KPKK. Namun pihak JMM yang diwakili oleh Encik Mohammad Shawali bin Hj. Badi, Pengarah Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat telah merakamkan penghargaan dengan menyampaikan cenderamata kepada kakitangan agensi KPKK yang mengambil bahagian dalam Pameran Hari Inovasi pada hari tersebut.



Urus Setia Hari Inovasi KPKK 2011 bergambar bersama kakitangan JMM.

# PERTANDINGAN REKA CIPTA MODEL DENGAN BAHAN GUNA SEMULA SEMENA PAMERAN MODEL SKALA KEMERDEKAAN: SEBELUM DAN SELEPAS BAGI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

Oleh: Nor Wahida binti Hasan, Muzium Negara (wahida@jmm.gov.my)



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM bersama pasukan Johan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail dengan hasil rekacipta bangunan Sultan Abdul Samad.

Muzium Negara telah menganjurkan Pertandingan Meraka cipta Model dengan Bahan Guna Semula bersempena "Pameran Model Skala Kemerdekaan: Sebelum dan Selepas yang berlangsung di Dewan Tengah, Muzium Negara dari 15 September hingga 29 Oktober 2011. Penganjuran ini diadakan sebagai salah satu program menyemarakkan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia yang diraikan di seluruh negara. Pertandingan ini terbuka kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri Selangor dan Kuala Lumpur.

Objektif pertandingan ini adalah untuk mencungkil bakat seni dan kreatif pelajar di samping memupuk semangat berpasukan kerana masing-masing perlu menyumbangkan idea dan daya usaha dalam menyiapkan sesuatu model secara berkumpulan. Selain itu, para pelajar juga dapat menerapkan konsep mencintai alam dengan menggunakan bahan guna semula bagi menghasilkan model.

Pertandingan ini juga terbahagi kepada dua kategori, iaitu kategori sekolah rendah yang bertemakan koleksi artifak muzium, manakala tema bagi kategori sekolah menengah berkonsepkan bangunan warisan atau

bersejarah. Sepanjang berlangsungnya pertandingan ini, Muzium Negara telah menerima sebanyak 35 model penyertaan masing-masing daripada 12 buah sekolah rendah dan 12 buah sekolah menengah. Pemenang bagi kategori sekolah rendah, tempat pertama dimenangi oleh SJK Mun Choong model Tanglung Berbentuk Burung Merak, tempat kedua SJK Ladang Harcroft model Kostum Tarian Singa, tempat ketiga SJK (Tamil) Sungai Besi model Koleksi Artifak Kesultanan Melayu Melaka dan tiga hadiah sagu hati dimenangi oleh SK Padang Jawa model Rumah, SK Dato' Abu Bakar model Pengangkutan Lestari dan SK Taman Tun Dr Ismail (1) model Meriam Negara. Manakala pemenang bagi kategori sekolah menengah: tempat pertama dimenangi oleh SMK Taman Tun Dr. Ismail, model Bangunan Sultan Abdul Samad, tempat kedua SMK TTDI Jaya, model Menara KL, tempat ketiga, SMK Seri Saujana, model Muzium Negara, Parlimen, Masjid Negara dan tiga hadiah saguhati dimenangi oleh SMK Taman Tun Dr. Ismail Model A Famosa, SMK Subang Jaya Model Menara KLCC, dan SMK Batu Muda Model Bangunan Sultan Abdul Samad.

Majlis penyampaian hadiah telah berlangsung pada 29 Oktober 2011, pukul 10.00 pagi di Dataran Muzium Negara. Para pemenang telah menerima hadiah berupa wang tunai dan hamper daripada Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail dan diiringi oleh Encik Chow Hock Lee, Presiden Persatuan Plastik Selangor dan Wilayah Persekutuan. Antara barisan pengadil terdiri daripada Pengadil Puan Zanita binti Anuar, Pengarah bahagian Inovasi, JMM, Encik Herman bin Zulkifli, Setiausaha Persatuan Model Plastik Selangor dan Wilayah Persekutuan dan juga Encik Mohd Harris Faizal bin Abd Jalil, Pereka, Muzium Negara.



# RIANG RIA

# Aidilfitri

Oleh: Nor Hasni binti Che Hassan, Bahagian Penyelidikan (hasni@jmm.gov.my)

Meriah dan unik, begitulah gambaran suasana Majlis Riang Ria Aidilfitri yang telah dianjurkan bersama oleh Persatuan Muzium Malaysia, Persatuan Pelancongan Kuala Lumpur dengan kerjasama Persatuan Kebajikan, Rekreasi dan Sosial (WARIS), PUSPANITA Jabatan Muzium Malaysia, Museum Shop dan Muzima Café pada 27 September 2011 (Selasa) bersamaan 28 Syawal 1432 Hijrah bertempat di Dataran Muzium Negara.

Acara tahunan JMM ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM serta pegawai-pegawai kanan JMM. Sambutan seumpama ini adalah sebagai penghubung dalam meningkatkan keakraban dan kemesraan sesama warga JMM. Menurut YBhg. Dato' Ketua Pengarah, walaupun bulan Syawal hanya sebulan, namun semangat bermaaf-maafan yang dipupuk wajar diteruskan sekaligus memantapkan lagi hubungan baik antara satu sama lain.



Y.Bhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM sedang ditemu ramah oleh wakil media.

Pada majlis itu, sebanyak 15 buah gerai yang mewakili muzium/bahagian/unit JMM didirikan bagi menyediakan pelbagai juadah menarik untuk santapan para tetamu yang hadir. Kemeriahan majlis itu turut diserikan dengan persembahan hiburan termasuk tarian dan nyanyian daripada warga JMM. Pada majlis tersebut juga, Pertandingan Menganyam Ketupat, Karaoke dan Pertandingan Pakaian Sedondon turut diadakan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan JMM.



YBhg. Dato Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM bersama Datuk Haji Ab.Chaffar bin A.Tambi Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK.



Encik Wan Jamaludin bin Wan Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM bergambar bersama jemputan yang hadir.



Pertandingan menganyam ketupat yang diadakan telah memeriahkan lagi Majlis Riang Ria Aidilfitri.

# A CELEBRATION OF SOUTH EAST ASIA TEXTILES

Oleh: Norzila Diana Mansor, Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan (diana@jmm.gov.my)



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia merasmikan Seminar 'A Celebration of South East Asia Textiles' serta disaksikan oleh pembentang-pembentang serta moderator yang dijemput khas.

Bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia, telah diadakan 'Seminar A Celebration of South East Asia Textiles'. Seminar ini telah diadakan pada 20 Disember 2011 dari jam 8.00 pagi hingga 5.15 petang. Secara umumnya seminar ini diadakan bertujuan mendedahkan kepada semua peserta seminar tentang keunikan dan kehalusan nilai tinggi tekstil di sekitar Asia Tenggara dan juga Australia.

Pembentang kertas kerja terdiri daripada mereka yang arif dan penyelidik yang telah menjalankan kajian terperinci tentang nilai tinggi dan kehalusan seni tekstil. Di antara pembentang sepanjang seminar ini ialah Dr. Norwani bt Hj. Mohd Nawawi dari Malaysia, Ibu Asmoro Damais dari Indonesia, Dr. Robyn Maxwell dari Australia, Miss Erlene S Millar dari Philipines dan ramai lagi.

Peserta seminar terdiri daripada warga Jabatan Muzium Malaysia dan peserta luar. Sambutan yang diterima amat menggalakkan.



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bergambar bersama pembentang-pembentang serta moderator.



Peserta sedang khusyuk mendengar penerangan serta pembentangan.

# Seminar Selat Melaka di Persimpangan Asia

Oleh: Norzila Diana Mansor, Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan (diana@jmm.gov.my)



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail selaku Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia merasmikan Seminar Selat Melaka di Persimpangan Asia.

*Apa tandanya Selat Melaka,  
Selat Melaka airnya biru,  
Apa tandanya hati yang cinta,  
Hati yang cinta rasanya rindu*  
- Nasriah Abdul Salam

Kegemilangan Selat Melaka sering kali memberikan ilham karya-karya seni nan indah. Misalnya menerusi bait-bait puisi, madah dan lagu. Malah ia juga sinonim dengan status keunggulan Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Justeru, tidaklah menghairankan apabila catatan mengenai Selat Melaka turut ditulis oleh pengembara asing yang datang bertandang. Namun, para pengkaji sejarah tempatan sering sahaja kebuntuan apabila mendapati tiada terjemahan catatan-catatan ini.

Seminar Selat Melaka di Persimpangan Asia diadakan sebagai kesinambungan daripada penerbitan buku "Selat Melaka di Persimpangan Asia". Sebanyak sepuluh buah artikel terpilih daripada majalah *Archipel* yang berbahasa Perancis dan diterbitkan di Perancis telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Selain memperkayakan sumber bertulis mengenai Selat Melaka, artikel ini turut menyingkap perspektif berbeza mengenai Selat Melaka serta kehidupan masyarakat di persekitarannya.

Inisiatif untuk menterjemah dan mengelolakan seminar ini telah diadakan hasil kerjasama Jabatan Muzium Malaysia, Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO) dan Kedutaan Besar Perancis di Malaysia.

Sesi seminar yang dipengerusikan oleh Dr. Daniel Perret, Ketua EFEO Kuala Lumpur ini telah membincangkan pengisian buku "Selat Melaka di Persimpangan Asia" menerusi kaca mata tokoh-tokoh akademik, iaitu Datuk Dr. Hj. Mohd Jamil Mukmin, Timbalan Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Melaka; Profesor Dr. Ding Choo Ming, Felo Penyelidik Utama ATMA, UKM dan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Seminar yang berlangsung mulai jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari pada 21 Julai 2011 di Auditorium JMM ini turut dihadiri oleh Dr. Mathieu Guerin, Attache for Higher Education and Science yang juga Director of the Malaysia-France University Centre selaku wakil Duta Besar Perancis ke Malaysia.

Seramai 249 orang peserta telah menghadiri seminar tersebut yang terdiri daripada warga Jabatan Muzium Malaysia dan peserta luar.

# MAJLIS “CLOCK OUT” TUAN HAJI ZAWAWI BIN ITAM OSMAN, MANTAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN), JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Oleh: Hairunnisyam binti Md. Jamil, Bahagian Pengurusan (hairunnisyam@jmm.gov.my)



Tuan Haji Zawawi bin Itam Osman, Timbalan Ketua Pengarah JMM (Pengurusan dan Pembangunan) diringi YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM dan Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusof, Timbalan Ketua Pengarah JMM (Permuziuman) ketika Majlis 'Clock Out'.

Majlis Perpisahan Tuan Haji Zawawi bin Itam Osman telah diadakan pada 1 November 2011 bersempena persaraan beliau. Majlis dimulakan pada jam 5.00 petang di hadapan bilik Ketua Pengarah, JMM. Kira-kira seramai seratus orang staf jabatan muzium telah berkumpul untuk memberikan penghormatan dan mengucapkan terima kasih atas sumbangan, pengorbanan dan jasa bakti yang telah diberikan oleh beliau sepanjang berkhidmat di jabatan ini.

Majlis dimulakan dengan sedikit ucapan daripada beliau yang sedikit sebanyak menyentuh tentang pengalaman ketika bertugas di jabatan muzium dan diakhiri dengan upacara bersalaman.

Tuan Haji Zawawi bin Haji Itam Osman telah dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak pada 1 November 1953. Merupakan seorang yang pandai berpidato dan bersemangat kental. Ketokohan beliau sebagai seorang pemimpin terserlah apabila berjaya menjawat pelbagai jawatan dan diberikan kepercayaan untuk menerajui bahagian-bahagian tertentu termasuklah pendaftaran, pengurusan, pembangunan, kewangan dan teknologi maklumat.



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada Tuan Haji Zawawi.



Tuan Haji Zawawi bin Haji Itam Osman sedang bersalaman dengan staf JMM.

Berikut adalah kronologi jawatan yang disandang oleh Tuan Haji Zowawi bin Haji Itam Osman sepanjang berkhidmat di JMM:

| Tarikh            | Jawatan  |
|-------------------|--|
| 26 Februari 2010  | Kurator Gred S54 (Memangku Gred Utama JUSA C Jawatan Pengarah Muzium Alam Semula jadi) dan secara pentadbiran menjalankan tugas Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia (Pengurusan dan Pembangunan). |
| 3 Mei 2008        | Memangku Kurator Gred S54 Jawatan Pengarah Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat.  |
| 17 Januari 2008   | Kurator Gred S52 (Menanggung Kerja Kurator Gred S54 Jawatan Pengarah Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat)  |
| 21 Februari 2007  | Kurator Gred S48 (Memangku Kurator Gred S52)   |
| 19 Jun 2002       | Menanggung Kerja Jawatan Pengarah Muzium Alam Semula jadi Gred S1  |
| 1 Ogos 2000       | Dinaikkan pangkat daripada Gred S3 ke Gred S2 sebagai Pendaftar di Bahagian Pendaftaran, Jabatan Muzium dan Antikuiti.   |
| 15 September 1994 | Pelantikan sebagai Kurator S3 ditempatkan di Pusat Konservasi Negara, Jabatan Muzium dan Antikuiti.  |
| 1 Februari 1984   | Pelantikan sebagai Penolong Kurator (B9)   |
| 1 Februari 1984   | Perubahan Skim Jawatan daripada Pegawai Perkhidmatan Muzium (B9) ke Skim Penolong Pegawai Muzium KUP (B9)  |
| 2 Februari 1980   | Dilantik sebagai Pegawai Teknik Muzium (B9)  |



# SEMINAR PENGISAHAN NGAH IBRAHIM

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Matang (zairul@jmm.gov.my)

Muzium Matang telah mengadakan Program Seminar Pengisahan Ngah Ibrahim pada 7 Julai 2011 bertempat di Dewan Seminar Muzium Matang.

Program yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang ini antara lainnya bertujuan memartabatkan semula ketokohan Ngah Ibrahim dengan jasanya pada masa silam yang telah mengangkat maruah bangsa Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Di samping itu, seminar ini juga memberi pendedahan dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai pengalaman peristiwa membawa pulang jenazah Allahyarham dari Singapura ke tempat asalnya, Matang.

Tiga orang penceramah yang tidak asing lagi dalam bidang sejarah telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja mereka; iaitu:

- i. YB Dato' Dr. Othman Yatim dari Universiti Malaya membincangkan tajuk "Menjejaki Pusara Ngah Ibrahim di Singapura: Satu Pengalaman."
- ii. Profesor Zambry A. Malek dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang membincangkan tajuk "Ngah Ibrahim dan rakan kongsinya Kapitan Chung Keng Kwee", dan
- iii. Profesor Madya Dr. Talib B. Samat dari Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim membincangkan tajuk "Pengalaman menghasil dan menulis karya penulisan/ novel Ngah Ibrahim".



# SIDANG MEDIA

## Pameran Ikat di Muzium Tekstil Negara

Oleh: Nor Asmah binti Abu Samah, muzium Tekstil Negara (norasmah@jmm.gov.my)



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail sedang memberikan penerangan semasa Sidang Media bagi Pameran Ikat yang telah diadakan di Muzium Tekstil Negara.

Pada 8 September 2011 yang lalu, satu sidang media bagi Pameran 'Ikat Keramat : dari Pusaka ke Perdagangan' (Sacred Ikat : From Heirloom To Trade) telah diadakan di Muzium Tekstil Negara. Sidang media ini telah dipengerusi oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM. Turut hadir ialah Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Puan Janet Tee Siew Mooi serta Puan Marie Christine Tseng, selaku kurator undangan pameran ini.

Beberapa orang pemberita daripada Harian Metro, Kosmo dan Utusan Malaysia telah dijemput ke majlis sidang media ini. Dato' Ibrahim bin Ismail telah mengambil kesempatan mewacanakan kepada para pemberita bahawa pameran ini akan diadakan pada 15 September sehingga 16 Oktober 2011, di Galeri Saindera, Aras 1, Muzium Tekstil Negara.

Menurut Ketua Pengarah JMM, sebanyak 48 helai tekstil dari Sumba dan tujuh helai tekstil dari Sarawak yang akan dipamerkan. Pameran ini memaparkan masyarakat Pulau Sumba mengenai ideologi, corak, teknik dan bahan yang digunakan bagi menghasilkan tekstil tersebut.

Selain itu, pameran ini juga membandingkan penghasilan di antara tekstil Sumba dan tekstil dari Sarawak, iaitu 'pua kumbu'. Di penghujung sidang media ini, para pemberita telah disajikan dengan beberapa helaian tekstil Sumba dan 'pua kumbu' yang akan dipamerkan di Galeri Saindera.



Sukarelawan "Cultural Impact", Marie Christine Tseng sedang memberikan penjelasan mengenai salah satu koleksi tekstil yang dipamerkan sambil diperhatikan oleh Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM dan Puan Janet Tee Siew Mooi, Pengarah Muzium Tekstil Negara.

# BENGKEL KIK 7-10 JULAI 2011

Oleh: Nurizah Saleh, Bahagian Inovasi Muzium (nurizah@jmm.gov.my)



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM bergambar bersama Puan Zanita Anuar, Pengarah Bahagian Inovasi Muzium, Encik Abdul Rahman, tenaga pengajar serta para peserta KIK.



Ahli-ahli kumpulan KIK sedang berbincang bersama tenaga pengajar, Encik Abdul Rahman.

Bengkel KIK telah diadakan bermula 7 hingga 10 Julai 2011 bertempat di Selesa Resort Bukit Tinggi, Pahang. Bengkel ini bertujuan memberikan kefahaman terhadap ahli-ahli KIK tentang konsep asas operasi dan falsafah KIK, memahami teknik-teknik dan alatan penyelesaian masalah, penambahbaikan kualiti kerja dan proses melaksanakan projek KIK serta meningkatkan semangat kerjasama dan motivasi dalam kalangan ahli-ahli KIK.



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM sedang mendengar pembentangan projek KIK yang disampaikan oleh Encik Jamil Haron.

## TAKLIMAT 5S

Oleh: Noor Alda binti Hashim, Unit Latihan JMM (nooralda@jmm.gov.my)



Para peserta yang terlibat bagi Taklimat 5S yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional Sokongan 1.

Bertempat di Bilik Persidangan, Jabatan Muzium Malaysia telah diadakan Taklimat 5S. Taklimat ini diadakan pada 22 Julai 2011. Secara umumnya taklimat ini diadakan bertujuan memberikan pendedahan kepada para pegawai JMM, bagaimana untuk melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S di tempat kerja masing-masing.

Seramai 41 orang peserta telah mengikuti taklimat tersebut yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional Sokongan 1. Pihak Jabatan telah menjemput penceramah dari MPC iaitu Encik Semawi bin Zakaria memberikan penerangan kepada para peserta. Oleh itu diharapkan taklimat ini akan dapat memberikan pendedahan serba sedikit berkenaan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Diharapkan juga Taklimat 5S ini akan dapat dilanjutkan lagi ke bengkel supaya Amalan Persekitaran Berkualiti 5S ini dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ini.



# KURSUS TEKNIK PENYELIDIKAN DAN PENGUMPULAN BAHAN PAMERAN

Oleh: Noor Aida binti Hashim, Unit Latihan JMM (nooraida@jmm.gov.my)

Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Kursus Teknik Penyelidikan dan Pengumpulan Bahan Pameran dari 18 hingga 20 Julai 2011 bertempat di Bilik Persidangan Aras 2 JMM. Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada para peserta kursus mengenai langkah-langkah penyelidikan yang berorientasikan matlamat untuk penyediaan pameran, memperlihatkan kaedah dan teknik sistematik dalam menjadikan penyelidikan selari dengan objektif pameran, membuat perbandingan mengenai jenis-jenis penyelidikan yang dijalankan di muzium dan aplikasinya dalam bidang pameran dan memberikan panduan tentang kaedah pengumpulan koleksi yang berkesan dan pratikal dalam penyelidikan khas yang memerlukan kreativiti.

Para pegawai yang terlibat secara langsung dalam kerja-kerja permuziuman adalah diutamakan untuk mengikuti kursus ini. Seramai 50 orang peserta yang telah menghadiri kursus ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 31 orang peserta dari JMM yang terdiri daripada kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional hingga kakitangan Sokongan 1 dan seramai 19 orang dari muzium negeri dan agensi luar.

Penceramah yang terlibat secara langsung di dalam kursus ini adalah terdiri daripada Pegawai JMM, antaranya Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Encik Mohd Azmi bin Yusof, Encik Mohamad Shawali bin Haji Bad, Encik Azmi bin Ismail, Encik Ruslee bin Ariffin, Puan Zarinah binti Sarifan dan Encik Nasulmiazam bin Mohd Nasir. Kursus ini diharapkan dapat memberikan pendedahan kepada kakitangan muzium serta menambahkan ilmu dalam bidang permuziuman. Kursus ini seharusnya diadakan tahap lanjutan pada masa akan datang agar dapat memberikan lebih lagi ilmu pengetahuan yang mendalam dalam bidang permuziuman.



Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff sedang mengadakan sesi soal jawab bersama peserta kursus.



Encik Mohd Azmi bin Yusof, salah seorang penceramah kursus.



Para peserta kursus merakamkan gambar bersama Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail.

# Majlis Berkhatan di Muzium Adat

Oleh: Suhaimi bin Basiron, Muzium Adat (suhaimibasiron@jmm.gov.my)



Ketibaan YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia telah disambut dan diiringi dengan paluan kompang.

Muzium Adat bersama masyarakat setempat telah mengadakan Program Bersama Komuniti Setempat dengan menganjurkan majlis berkhatan. Program yang diadakan bersempena dengan cuti persekolahan yang panjang ini telah dijayakan bersama masyarakat setempat pada 1 Disember 2011. Program ini merupakan salah satu program utama muzium untuk mendekatkan masyarakat setempat dengan muzium. Ini bersesuaian dengan moto "Kunjungilah Muzium". Dengan penganjuran program seperti ini akan dapat merapatkan lagi hubungan antara muzium dengan masyarakat setempat selain mempromosikan Muzium Adat dan menggalakkan mereka mengunjungi muzium.

Bersesuaian dengan visi Jabatan Muzium Malaysia, Ke Arah Keunggulan Institusi Muzium dengan misi memainkan peranan penting dalam penyelidikan, program ini juga telah mencapai objektifnya, iaitu memberikan pengetahuan dan pengembangan ilmu kepada masyarakat. Melalui program ini telah didedahkan kepada masyarakat adat berkhatan yang telah mula dilupakan disebabkan oleh peredaran zaman.



Ucapan perasmian YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia.

Program ini juga telah dijadikan landasan utama kepada penyelidikan yang dibuat oleh pelajar instituti pengajian tinggi. Sepanjang program ini dijalankan terdapat seramai lima belas orang pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah turut serta bagi mengetahui adat berkhatan ini dijalankan. Secara tidak langsung program ini telah memudahkan mereka untuk mengkaji adat-adat yang telah dilupakan. Penganjuran program ini diharapkan dapat mengangkat Muzium Adat sebagai pusat penyelidikan dan pembelajaran.

Program yang dijalankan juga berobjektifkan supaya adat ini dapat dipelihara untuk panduan generasi akan datang. Dengan penganjuran program seperti ini akan dapat mengembangkan semula adat adat yang dilupakan oleh masyarakat hari ini.

Program yang dihadiri oleh Penyandang Pusaka Adat, ketua ketua jabatan, ahli jawatankuasa kampung dan seramai hampir dua ratus orang masyarakat setempat telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Majlis dimulakan dengan sambutan paluan kampung oleh Persatuan Kampung Taman Irama mengiringi tetamu utama ke khemah utama.

Bagi memberkati majlis, bacaan doa telah dipimpin oleh Encik Razali bin Hassan diikuti ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Setelah selesai ucapan perasmian, kanak-kanak yang berkhatan seramai dua puluh tiga orang duduk di pentas utama. Menurut adat, majlis khatam al-Qur'an akan diadakan malam sebelum majlis berkhatan. Oleh yang demikian, majlis khatam al-Qur'an telah diadakan dan dipimpin oleh Encik Razali bin Hassan.



Majlis Khatam al-Quran yang dipimpin oleh Encik Razali bin Hassan.

Dengan penganjuran program seperti ini telah dapat merapatkan hubungan antara masyarakat setempat dengan muzium, di samping mengangkat martabat adat supaya tidak dilupakan dibawa arus pemodenan. Adat didalam kehidupan seharian dapat disesuaikan dengan kehidupan masa kini. Dengan penyesuaian ini diharapkan adat tidak dilupakan.



Upacara mandi beramai-ramai diadakan sebelum majlis berkhatan dilakukan.



Antara kanak-kanak yang menunggu giliran untuk dikhatamkan.



# STRENGTHENING TIES: A VISIT BY THE KOREAN MUSEUM ASSOCIATION

Oleh: Norzila Diana Mansor, Coordination and Monitoring Division  
(diana@jmm.gov.my)

Fostering a good relationship among museum professionals from countries across the globe is essential for a museum's growth. Not only does it provide the opportunity for cultural exchange, it also enables colleagues to discuss projects and research findings, to share invaluable expertise, to build new networks, to reach greater audience and the chance to explore future possibilities.

The Korean Museum Association (KMA) initiated a visit to Kuala Lumpur and Melaka as part of their annual International Museums Field Trip from the 8th until 10th of July 2011 and the Department of Museums Malaysia have had the opportunity to assist them during this visit. The main objective of this visit is to create new contacts between counterparts from the Asian region. The head of delegation is Mr Jeon Bo Sam, President of the Korean Museum Association and the group consist of 42 museum directors and curators from various museums/heritage institutions from all over Korea.

Upon arrival at the National Museum, Kuala Lumpur on 8th July 2011, the delegates were warmly greeted by the Deputy Director General, Tuan Haji Zawawi bin Haji Itam Osman together with several senior officers of the department. After a brief introduction, the delegates were divided into groups for a guided tour. We hosted a lunch and the group had a memorable experience of watching a live performance of gamelan. They also visited the Islamic Arts Museum and the Natural History Museum at Putrajaya on the same day.

Apart from Kuala Lumpur, the KMA also wished to visit the Historic City of Melaka. Thus, arrangement was made with the Melaka Museums Corporation (PERZIM) to facilitate their visit. They had a great time exploring the Stadhuys Museum Complex, St Paul's Hill, A' Famosa and the Maritime Museum.

On Sunday 10th July 2011 at the National Textile Museum, the delegates met Dato' Ibrahim bin Ismail, Director General of Department of Museums Malaysia who is also the Chairman of the Malaysian Museum Association. After a visit the galleries, Dato' Ibrahim took some time to explain about the department's vision and mission, its objectives and functions and its current programmes. Later, all delegates were treated with a sumptuous lunch hosted by the department. We bid goodbye with a heavy heart but with a promise of future cooperations.



Mr. Jeon Bo Sam, President of the Korean Museum Association was writing something to the Guest Book.



Tuan Haji Zawawi bin Haji Itam Osman, Deputy Director General was taking a picture with the delegates from the Korean Museum Association.

# PROGRAM PENEMPATAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL DI NATIONAL MUSEUM OF AUSTRALIA, CANBERRA

Oleh: Norzila Diana Mansor, Coordination and Monitoring Division (diana@jmm.gov.my)



Konservator dan kurator berbincang mengenai keperluan membaik pulih artifak sebelum diputuskan untuk dipamerkan.

Pada 27 Julai hingga 06 Ogos 2011 yang lalu, dua orang pegawai dari Jabatan Muzium Malaysia telah dipilih untuk mengikuti Program Penempatan Pembangunan Profesional di National Museum of Australia, Canberra. Dua orang pegawai tersebut ialah Puan Nor Hanisah binti Ahmad, Kurator di Muzium Perak dan Puan Miti Fateema Sherzeella binti Mohd Yusoff, Kurator di Muzium Negara.

Program ini dijalankan bertujuan memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pegawai mengenai kaedah dan cara yang digunakan oleh National Museum of Australia (NMA) ketika kerja-kerja membuka semula pameran yang telah dipamerkan di galeri dan proses pemulangan artifak kepada peminjam-peminjam artifak. Selain itu, pegawai turut diberikan pendedahan mengenai sistem pendaftaran artifak berpusat yang disebut sebagai KeEMU yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja bagi memudahkan pencarian maklumat dan bahan. Pegawai juga dibawa ke makmal konservasi NMA untuk melihat sendiri

bagaimana cara dan sistem pengendalian artifak yang digunakan oleh mereka. Pegawai juga diberikan taklimat mengenai pengkhususan kerja-kerja kuratorial yang terdapat di NMA dan diberikan penerangan mengenai cara pengurusan keselamatan dan risiko yang diamalkan di NMA. Pegawai turut didedahkan dengan contoh-contoh polisi yang terdapat di NMA.

Faedah-faedah yang diperoleh daripada program ini ialah peserta mendapat maklumat berkaitan cara-cara melaksanakan sistem pendaftaran artifak yang lebih sistematik dan mewujudkan makmal konservasi yang lengkap. Di samping itu, Jabatan ini turut berharap untuk membina rangkaian kerjasama dengan NMA untuk berkongsi maklumat dan kepakaran.



Pendedahan untuk mengenal pasti tahap kerosakan koleksi yang diperbuat daripada kulit kayu.

# ICOM CECA ANNUAL CONFERENCE 2011

Oleh: Norzila Diana Mansor, Coordination and Monitoring Division (diana@jmm.gov.my)



Dobar dan!

In Croatian language that means "Good Day". Indeed it was a warm, sunny day when we first walked into the huge Mimara Museum, the venue of the conference. Situated in the capital city of Zagreb, Croatia, the museum welcomed 150 participants from all over the continents from the 16th until 21st September 2011.

The Committee for Education and Cultural Action (CECA) is one of the oldest International Committee under the International Council of Museums (ICOM). Having more than 1000 members from 85 countries, CECA worldwide community comprise of professionals working in different sectors of the museum/heritage institutions such as museum managers, educators, curators, interpreters and public relations officers. Through its Regional Coordinator, CECA members can get in touch with their fellow counterparts from Europe, North America, Latin America, Asia and the Pacific and Africa.

Over the years, CECA network has expanded tremendously. Previously, CECA members were mostly Europeans but now they came from all over the world. Emma Nardi, ICOM CECA 2011 conference witnessed

the increasing number of members/participants coming from America, Asia and Africa. She also encouraged all participants to spread the news and hope to have more museum educators sharing their knowledge and skills in CECA conference. Meanwhile, in his welcoming remarks, Julien Anfruns, the Director General of ICOM also expressed his support and appreciation to CECA for making the time and effort to continuously provide a platform for its members to learn from other countries' experiences and the endless possibility to exchange information.

Attending an international conference can sometimes be quite challenging especially when you're trying to understand the different accents of the speakers. True to its tradition, CECA conference invited distinguished speakers from various backgrounds for the presentations. Recognizing the need of multi-cultural participants, the national committee was very attentive and provide translation in four languages, three were the official languages of ICOM: English, French and Spanish; and the Croatian language.

The theme for this year's conference is "Old Questions, New Answers: Quality Criteria for Museum Education". The main points of the panel discussions revolve around what is considered to be the "best practice" in education and cultural action programmes. It is difficult to measure learning or education. Furthermore, what is "best" for one museum will not necessarily be "best" in another museum. Perhaps what is more practical is to come up with a guideline to assist educators. Thus, it is important to have programmes that are suitable for both adults and the younger ones so

it becomes a positive and stimulating experience. Museum educators are also encouraged to expand the type of programme and the theme they offer to reach broader audience and eventually attracting new visitors. Instead of perfecting standards, a programme with careful planning will ensure a visit to the museum not only educational but also enjoyable.

Educators should be able to identify the diverse nature of museum visitors such as a group of schoolchildren, youths, families or people who are physically challenged. Different group have different needs and by providing suitable materials or facilities for them, it will definitely make their visit a meaningful and worthwhile experience. The panels also discussed about museums especially in a touristy city aren't just for tourists but it should be able to attract local visitors as well. Social inclusion or active participation of the local people should be encouraged so they will remain a returning visitor.

Apart from the visitors, museum staff should be equipped with the right attitude regarding the importance of education. Education of the educators must not be taken lightly as these are the people who are responsible to inculcate the love of knowledge and discovery to the public. They are the tools that will disseminate Peserta information to the society. A positive approach towards education is necessary to make learning a meaningful and fun experience since museum visitors come in many age range.

Evaluation is the key process that enables us to confirm the effectiveness of a certain project or vice versa. Museums must always evaluate the impact of their activities/programmes to the visitors in order to know whether it is beneficial to both sides. By gathering information and interpreting the results, museum educators will have a better picture of a certain situation that they want to tackle, rather than making assumptions or even guessing the results. A properly planned educational programme not only reflect our professionalism but it also convey a message to the public that we are serious, ready to deliver and quality is not a compromise.



Evaluation is the key process that enables us to confirm the effectiveness of a certain project or vice versa. Museums must always evaluate the impact of their activities/programmes to the visitors in order to know whether it is beneficial to both sides. By gathering information and interpreting the results, museum educators will have a better picture of a certain situation that they want to tackle, rather than making assumptions or even guessing the results. A properly planned educational programme not only reflect our professionalism but it also convey a message to the public that we are serious, ready to deliver and quality is not a compromise.

Other than the panel discussions, CECA members may also opt to present their researches, projects, findings etc or simply to share ideas through Market of Ideas (where a speaker talks for about five minutes about their museum/programmes/research etc) and Poster Sessions (members can bring printed materials like posters, pictures, charts etc and it will be placed on a board or frame). Members can also introduce their institutions/organizations through Free Presentation (if you have corporate CD or a video of an activity/program, the organizer will play it on television where other participants can view it, usually at the museum's lobby). Members can also present their new writing or publication during the Book Presentation. The conference ended with the CECA Assembly where the Secretary and the Regional Coordinators presented their reports.

CECA Annual Conference 2012 will be held in Yerevan, Armenia from 20th until 25th October 2012. Next year's theme will be "Museums and Written Communication".  
Hvala, thank you!



Majlis Perasmian Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) pada 22.11.2011



Taklimat dan Perjumpaan Khas dengan KSU YB Dato Seri Kamaruddin Siaraf di Auditorium JMM pada 27.10.2011



Program Lawatan Kerja Rasmi Ke Agensi Nuklear Malaysia (MINT) Bangi pada 20.10.2011





Sidang Media Pameran Sari Di Muzium Tekstil Negara pada 8.9.2011



MaJlis Rumah Terbuka Hari Raya Di Pentas Terbuka JMM pada 27.9.2011



Program Konvoi GIVI MotoGP di Dataran Muzium Negara pada 23.10.2011

# PROGRAM BENGKEL PENDIDIKAN MUZIUM

Oleh : Kiew Yeng Meng, Muzium Negara (kymeng@jmm.gov.my)

Muzium Negara telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Pendidikan Muzium yang mensasarkan golongan pendidik di peringkat sekolah rendah dan menengah khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor. Bengkel yang diadakan pada 24 September 2011 bertempat di Bilik Persidangan JMM ini merupakan satu wacana ilmu dan interaksi dua hala yang membolehkan golongan pendidik dan ahli profesional muzium berinteraksi secara lebih dekat dan profesional. Tujuan utama adalah untuk menggalakkan penglibatan golongan pendidik dalam program dan aktiviti muzium agar memantapkan lagi tahap pembelajaran para pelajar ketika melawat muzium, dan secara langsung memperkasakan JMM sebagai institusi permuziuman yang unggul dalam usaha menyebarkan ilmu di samping membentuk jati diri negara kepada generasi muda.

Bengkel yang diadakan mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang ini telah menerima sambutan yang begitu menggalakkan sehingga mendapat lebih 110 permohonan daripada kalangan guru. Bagi memastikan keberkesanan penyampaian mesej serta pengamatan aktiviti secara lebih jitu, maka hanya 50 orang guru sahaja yang membuat permohonan terawal diterima untuk menyertai bengkel tersebut. Namun bilangan kehadiran pada hari tersebut mencatat 61 orang guru dari 13 sekolah rendah dan 48 sekolah menengah.

Bengkel ini pada dasarnya dibahagikan kepada dua segmen, iaitu sesi ceramah dan sesi interaktif yang lebih fokus kepada aktiviti hands-on. Selain Muzium Negara, muzium-muzium seperti Muzium Alam Semula Jadi dan

Muzium Tekstil Negara serta Bahagian Pendaftaran dan Bahagian Konservasi Negara turut mengambil bahagian dalam bengkel tersebut. Sesi ceramah dimulakan oleh Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim, Pengarah Muzium Negara. Beliau telah menjelaskan peranan muzium sebagai institusi pendidikan khususnya muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM. Diikuti pula pembentangan oleh Cik Kiew Yeng Meng, Kurator Muzium Negara tentang kaedah serta pelaksanaan program dan aktiviti dalam mengaplikasikan muzium sebagai medium pembelajaran tidak formal. Encik Mohd. Razaimi bin Hamat, Pendaftar JMM dan Puan Nirmala binti Sharippudin, Kurator Bahagian Konservasi Negara membincangkan penggunaan koleksi muzium sebagai bahan pembelajaran di sekolah dari sudut bidang masing-masing. Encik Gokilan Sathasivam, Sukarelawan Muzium JMM, turut memberikan pendedahan kepada para guru tentang aplikasi program pendidikan yang dilaksanakan di sekolah antarabangsa.



Encik Kamarul Baharin A. Kasim, Pengarah Muzium Negara sedang menyampaikan ceramah kepada peserta bengkel.



Mengenali rangka tulang Perak Man (replika) dengan penjelasan oleh Encik Badrol Hisham Abd Rahman, Penolong Kurator Kanan, Muzium Negara.



Peserta mencuba permainan gasing buah berembang yang menjadi salah aktiviti hands-on yang disediakan.



Peserta diberikan peluang untuk mempraktikkan sendiri kaedah membaikpulih semula seramik yang telah pecah.

Manakala aktiviti *hands-on* bagi muzium/bahagian pula masing-masing dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan yang antaranya termasuklah Puan Farizawati binti Sabri, Timbalan Pengarah Muzium Alam Semula Jadi, Encik Badrol Hisham bin Abd Rahman, Penolong Kurator Kanan, Muzium Negara dan juga Puan Nor Asmah binti Abu Samah, Penolong Kurator Kanan, Muzium Tekstil Negara. Sesi ini memberikan peluang yang lebih terbuka kepada para guru untuk menghayati dan mempraktikkan sendiri aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak muzium.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya bertindak sebagai platform yang mengeratkan hubungan antara golongan pendidik dengan pengamal muzium dalam mengenali dan memahami program pendidikan yang sedia ada di muzium-muzium di bawah JMM yang dapat meningkatkan keterlibatan para guru dalam perancangan program pendidikan yang lebih memanfaatkan golongan pelajar ketika berkunjung ke muzium pada masa hadapan.



Penerangan dan demonstrasi pengawetan rama-rama oleh Puan Farizawati binti Sabri, Timbalan Pengarah Muzium Alam Semula Jadi.

# BENKEL MEMBUAT WAYANG KULIT DI MUZIUM PERAK, TAIPING

Oleh : Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Perak  
(hanisah@jmm.gov.my)

Wayang Kulit ialah satu bentuk teater tradisional yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Bayang-bayang daripada patung-patung kulit yang terdiri daripada pelbagai watak mitologi dan khayalan dimainkan oleh seorang Dalang. Persembahan wayang kulit selalunya diringi oleh satu kumpulan muzik paluan atau gamelan dan juga alat tiupan (serunai) atau alat bertali (rebab). Memandangkan dunia sekarang semakin maju dengan arus pemodenan dan penggunaan teknologi yang semakin canggih, maka rakyat semakin melupakan seni budaya tradisional kita terutama generasi muda. Senario ini ditambah lagi melalui persaingan bentuk hiburan dan komunikasi maya yang menjadi pilihan masyarakat kini.

Dengan matlamat memberikan peluang kepada masyarakat untuk mempelajari proses pembuatan wayang kulit dari awal hingga akhir, Muzium Perak telah mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Membuat Wayang Kulit pada 15 Julai 2011. Ia juga dapat memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada masyarakat mengenai keunikan dan kekayaan warisan seni dan budaya masyarakat Melayu. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk menarik minat generasi muda dan menyebarkan maklumat kepada orang ramai.



Para peserta sedang melakukan proses pertama dalam menghasilkan watak wayang kulit, iaitu melukis watak wayang kulit.



Peserta bengkel sedang melakukan proses membentuk corak pada badan watak wayang kulit.



Proses mewarna watak wayang kulit sedang dilakukan bagi memberikan penekanan kepada watak supaya watak yang ditunjukkan lebih berkesan.



Hasil kerja tangan peserta bengkel ini dipamerkan kepada pengunjung di Muzium Perak selama seminggu.

Bengkel ini telah mendapat tunjuk ajar daripada Encik Abdul Majid bin Mohd. Noh, iaitu dalang daripada Kumpulan Wayang Kulit Seri Asun. Kumpulan ini telah ditubuhkan sejak tahun 1973 oleh dalang Encik Mohd. Noh bin Mahmud atau pun lebih dikenali sebagai Pak Noh, ayahanda kepada dalang Encik Abdul Majid. Encik Abdul Majid telah mengambil alih tempat bapanya sebagai dalang dan ketua kumpulan setelah bapanya meninggal dunia. Selain dalang, kumpulan ini dianggotai oleh tujuh orang pemuzik. Encik Abdul Majid bin Mohd. Noh dilahirkan pada 24 Januari 1949 di Kampung Kunluang, Mukim Binjai, Kubang Pasu, Kedah. Beliau ialah anakanda kedua kepada Dalang Wayang Gedek ternama, Encik Mohd. Noh bin Mahmud. Menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Binjai dan seterusnya ke Sekolah Lanjutan Kampung Jitra sehingga lulus Sijil Rendah Pelajaran. Selepas mempelajari wayang kulit lebih daripada 16 tahun, akhirnya Encik Abdul Majid dengan penuh istiadatnya menerima tanggungjawab sebagai dalang Kumpulan Wayang Kulit Seri Asun.

Bengkel ini memberikan tunjuk mengenai proses pembuatan wayang kulit dari awal hingga akhir. Pendedahan juga diberi mengenai bahan-bahan dan peralatan yang digunakan sepanjang proses pembuatan wayang kulit dijalankan. Sebelum bengkel dijalankan, penceramah telah menunjukkan cara-cara pembuatan wayang kulit menggunakan bahan yang sebenar seperti kulit lembu. Semasa bengkel diadakan, para peserta akan diberi bahan gantian menggunakan kertas manila kad untuk membuat wayang kulit.

Antara perkara yang diberikan penekanan ialah teknik melukis watak wayang kulit, teknik memotong dan membentuk corak pada badan watak yang dilukis, proses mewarna watak, proses menyambung bahagian-bahagian badan watak dan menunjukkan cara bagaimana ia dimainkan ketika persembahan wayang kulit diadakan. Pada sebelah malam, Kumpulan Wayang Kulit Seri Asun membuat persembahan wayang kulit di perkarangan Muzium Perak dan ia dibuka kepada orang ramai. Persembahan Wayang Kulit ini mendapat sambutan di luar dugaan sehingga Muzium Perak terpaksa membentangi tikar di atas tempat meletak kenderaan bagi membolehkan orang ramai menyaksikannya. Secara keseluruhannya, program ini berjaya menarik minat orang ramai tanpa mengira usia dan kaum.



Persembahan wayang kulit oleh Kumpulan Wayang Kulit Seri Asun mendapat sambutan yang luar biasa daripada orang ramai sehingga terpaksa dibentangi di perkarangan letak kereta Muzium Perak.

# SAMBUTAN RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI DI MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Oleh: Rosidah Abdullah, Muzium Tekstil Negara  
(rosidah@jmm.gov.my)

Kemeriahan cukup terasa apabila Syawal menjelma menandakan kemenangan setelah melunaskan tanggungjawab umat Islam menunaikan rukun Islam ketiga iaitu berpuasa sebulan pada bulan Ramadhan. Pada bulan Syawal juga umat Islam menyambut hari raya dengan mengadakan rumah terbuka dan diraikan sehingga sebulan. Sempena bulan Syawal yang mulia ini, Muzium Tekstil Negara mengadakan rumah terbuka menjemput rakan sepejabat, sahabat handai dan para pelawat pada 8 September 2011 dari jam 11.00 pagi hingga 3.00 petang di ruang legar Muzium Tekstil Negara. Seramai 500 tetamu telah menghadiri acara ini.

Antara menu yang dihidangkan ialah nasi dagang Kelantan, laksa Pulau Pinang, sate dan ketupat nasi, lemang, rendang, lontong, mi goreng, kek, biskut raya, buah-buahan dan air. Penyediaan menu jamuan hari raya semuanya ditaja oleh staf Muzium Tekstil Negara dengan cara masing-masing menyumbang mengikut kemampuan dan keikhlasan.

Tetamu yang datang memperlihatkan kegembiraan yang amat sangat apabila tetamu kehormat yang diundang iaitu YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM dan YBrs. Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman serta pegawai-pegawai kanan dan staf JMM. Turut hadir ialah Puan Zuly Chudori, isteri kepada Pesuruhjaya Australia, sukarelawan JMM, rakan-rakan MTN memeriahkan lagi sambutan rumah terbuka di MTN.

Tetamu bukan sahaja dapat menikmati juadah hari raya malah dapat beramah mesra dan merapatkan silatur rahim antara satu sama lain. Rasa puas tak terhingga dan perasaan gembira kerana dapat juga diadakan rumah terbuka.



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail bersama tetamu yang diraikan sempena majlis rumah terbuka di Muzium Tekstil Negara.



Tetamu sedang menikmati juadah hari raya yang disediakan.



Pengarah Muzium Tekstil Negara beramah mesra dengan tetamu sambil memperkenalkan hidangan istimewa sempena rumah terbuka.



Antara juadah istimewa yang disediakan untuk santapan para tetamu yang hadir.

# CERAMAH BINA HATI CEMERLANG

Oleh : Noor Aida binti Hashim, Unit Latihan JMM.  
(nooraidah@jmm.gov.my)

Bertempat di Bilik Persidangan, Jabatan Muzium Malaysia telah diadakan Ceramah Bina Hati Cemerlang. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Encik Abdul Hadi bin Abdul Malik daripada YAPIEM. Ceramah ini diadakan pada 22 Julai 2011. Secara umumnya, ceramah ini diadakan bertujuan untuk memberikan penerangan dan pendedahan kepada para pegawai JMM, cara untuk memupuk hati yang cemerlang dalam alam pekerjaan dengan pegawai-pegawai yang lain. Di samping itu juga, Encik Abdul Hadi telah memberikan penerangan serba sedikit berkenaan dengan aktiviti yang dijalankan oleh YAPIEM.

Seramai 61 orang peserta daripada kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Sokongan 1 dan Sokongan 2 daripada Jabatan Muzium Malaysia telah terlibat dalam menjayakan ceramah Bina Hati Cemerlang. Sehubungan itu, Jabatan amat berharap pada masa akan datang, ceramah Pengisian Rohani ini dapat diadakan lagi dari masa ke semasa supaya dapat menerapkan nilai-nilai murni didalam kalangan kakitangan JMM.



Para peserta sedang mendengar ceramah.

# PENGUNJUNG BERTUAH KE-50 000 DI MUZIUM LABUAN

Oleh : Cik Zuriani Bt. Abd Ghani, Muzium Labuan  
(zuriani@jmm.gov.my)

Pada 24 hingga 31 Disember 2011 yang lalu, Muzium Labuan telah mengadakan aktiviti Pengunjung Bertuah yang ke 50 000. Program ini bertujuan sebagai satu langkah promosi kepada masyarakat setempat dan luar Wilayah Persekutuan Labuan untuk berkunjung ke Muzium Labuan. Hadiah berbentuk hamper dan cenderamata ditawarkan bagi menarik minat pengunjung, di samping peraduan kuiz sejarah sebagai aktiviti sampingan. Pemilihan pemenang dipilih berdasarkan catatan bilangan pengunjung yang ditulis didalam buku pelawat untuk mencapai sasaran pengunjung ke-50 000 bagi tahun 2011.

Hasil kunjungan istimewa membolehkan Puan Sairah Jamal dari Kampung Lubok Temiang WP Labuan dipilih sebagai pemenang pengunjung bertuah ke-50 000 dan membawa pulang hadiah berbentuk hamper dan cenderamata yang telah disampaikan oleh Cik Zuraini binti Abd Ghani, Ketua Unit Muzium Labuan.



Cik Zuriani Abd Ghani, Ketua Unit Muzium Labuan menyampaikan hamper kepada Pn. Sairah Jamal, pemenang pengunjung bertuah ke 50 000 Muzium Labuan.

# PROGRAM “TEROKAI MUZIUM NEGARA”

Oleh : Kiew Yeng Meng, Muzium Negara (kymeng@jmm.gov.my)



Sesi jawab kuiz di SJK(T) Kuala Kubu Baru dikendalikan oleh Cik Rohana Husin, Kurator Muzium Negara.

Muzium Negara telah mengadakan satu Program “Terokai Muzium Negara” yang khusus kepada sekolah-sekolah di luar bandar negeri Selangor. Tujuannya untuk membentuk generasi muda yang lebih peka dan sensitif terhadap sejarah, budaya dan warisan negara di samping memberikan ruang yang lebih terbuka kepada golongan pendidik dan profesional muzium untuk menerapkan kepentingan subjek sejarah dalam program yang memanfaatkan golongan pelajar.

Terdapat empat sekolah daripada berlainan aliran telah menyertai program tersebut termasuklah SMK Batu Laut, SK Tanjung Sepat, SJK(T) Kuala Kubu Baru dan juga SJK(C) Kampung Gurney, Ulu Yam Baru. Seramai 1984 orang pelajar daripada keempat-empat sekolah telah mengikuti program selama tiga jam, iaitu dari pukul 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari di dewan sekolah masing-masing pada 28 hingga 30 Jun 2011 dan 21 September 2011. Antara pengisian program ini termasuklah pameran mini, aktiviti interaktif, kuiz dan juga tayangan dokumentari Hari Kemerdekaan.

Pada peringkat permulaan, para pelajar diberikan penerangan mengenai Muzium Negara secara ringkas. Seterusnya mereka boleh menjawab soalan kuiz berpandukan panel-panel pameran berkaitan galeri muzium. Penerangan tentang artifak-artifak pameran turut mendapat perhatian para pelajar kerana mereka boleh

melihat sendiri serta mendapat gambaran jelas tentang koleksi artifak yang dipamerkan. Selain pameran, para pelajar juga didedahkan permainan tradisional seperti baling getah, sepak bulu ayam dan permainan congkak.

Program ini sememangnya harus dijalankan dari semasa ke semasa khususnya bagi para pelajar di kawasan luar bandar yang mempunyai kekangan masa dan jarak untuk melawat Muzium Negara. Pendedahan permuziuman kepada para pelajar yang terdiri daripada berlainan etnik dan kaum ini akan menanam minat mereka dan cinta akan warisan sejarah negara serta mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan nasionalisme Malaysia .



Sesi jawab kuiz di SJK(T) Kuala Kubu Baru dikendalikan oleh Cik Rohana Husin, Kurator Muzium Negara.



Aktiviti permainan baling getah di SJK(C) Kampung Gurney, Ulu Yam Baru.



# LAWATAN SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS SETAPAK Ke Muzium Negara

Oleh : Hapizah bibti Saiddin, Muzium Negara (hapizah@jmm.gov.my)

Muzium Negara telah menerima kunjungan pelajar dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak, Kuala Lumpur pada 16 Ogos 2011. Seramai 25 orang pelajar cacat penglihatan serta lima orang guru telah hadir bersama mengikuti rombongan ini. Beberapa aktiviti yang bersesuaian telah dirangka khas bagi membolehkan para pelajar mendapat manfaat daripada lawatan tersebut.

Dengan kerjasama Sukarelawan Muzium JMM, para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan dibawa ke galeri-galeri muzium. Mereka berpeluang mendengar audio/kiosk yang berkaitan dengan tema-tema tertentu seperti lukisan gua, Manusia Perak, kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, pengislaman Raja Melayu, pendudukan Portugis, Perjanjian Pangkor, Darurat dan Merdeka. Aktiviti yang seterusnya merupakan sesi hands-on yang membolehkan mereka berpeluang menyentuh dan diberikan penjelasan penerangan tentang asal-usul serta kegunaannya bagi beberapa artifak yang disediakan termasuklah meriam kecil, acuan kuih putu bertemakan flora dan fauna, topeng Mah Meri dan bakul berduri.

Selain itu, para pelajar turut didedahkan dengan alat-alat muzik tradisional, di samping dapat bermain alat-alat muzik tersebut serta menyanyi bersama-sama dengan kakitangan Muzium Negara. Lawatan sedemikian sememangnya membolehkan para pelajar khas ini mempunyai pengalaman yang istimewa dalam mengenali serta menghayati pameran di muzium, di samping dapat beramah mesra dengan kakitangan muzium dan sukarelawan muzium. Ternyata bahawa muzium memainkan peranan yang penting sebagai institusi pendidikan tidak formal dan juga meyumbang usahanya dalam membina sebuah masyarakat yang harmoni.



Pelajar dapat menyentuh dan merasai artifak dengan lebih dekat dan teliti.



Para pelajar seronok bermain alat muzik dan menyanyi lagu raya Aidilfitri.

# Kunjungan Delegasi Bangladesh National Defence College ke Muzium Negara

Oleh: Kiew Yeng Meng, Muzium Negara (kymeng@jmm.gov.my)



Cik Rohana binti Husin, Kurator Muzium Negara sedang mengendalikan lawatan berpandu kepada delegasi National Defence College yang berkunjung ke Muzium Negara.

Bangladesh National Defence College telah mengadakan lawatan rasmi ke Muzium Negara pada 21 September 2011, jam 2.30 petang. Lawatan ini diatur oleh Majlis Angkatan Tentera Malaysia menerusi Sekretariat, Wisma Pertahanan. Delegasi seramai 28 orang pegawai tentera yang diketuai oleh Tuan Ahahe Alam, Komander Udara, National Defence College, Bangladesh disambut oleh pegawai-pegawai Muzium Negara.

Rombongan ini telah mengikuti lawatan berpandu oleh kurator-kurator Muzium Negara termasuklah Cik Rohana Husin, Puan Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff dan Encik Azman Adam. Mereka menunjukkan minat yang tinggi mengenai sejarah perkembangan negara ini bermula dari era prasejarah sehingga era pentadbiran moden Malaysia. Sesi lawatan ini telah berlangsung hampir dua jam dan diakhiri dengan majlis minum petang dan sesi dialog bersama-sama para pegawai Muzium Negara.

# Megaliths

Oleh: Jane Chan, Sukarelawan Muzium.

Jane has a burning curiosity in history and archaeology which has led her to explore many cultural and heritage sites in Malaysia and overseas.

Just like the United Kingdom's Stonehenge, we too have megalithic structures in Malaysia. The most common type of megalith found here is the menhir which is basically a standing stone. Known locally as 'batu hidup', they come in varying heights ranging from 2 to 8 feet.

In general, there are two configurations of menhirs. The first type comes in clusters with one large menhir known as the 'ibu' or mother surrounded by smaller menhirs. The second type comes in pairs - aligned side-by-side either in a North-South or East-West orientation, with one usually larger than the other. In Northern Melaka and Negeri Sembilan, the menhirs have been erected on earth mounds. Over time, the earth mound gets eroded thus exposing more of the menhir and giving the illusion that the menhir has grown longer. This is the reason the locals refer to the menhirs as 'batu hidup' or living stones.

These sites are believed to be sacred or 'keramat' by locals as they believe that the megaliths are erected on grave sites. However, excavations have not yielded any skeletal remains, thus disproving this belief.

Megaliths in Malaysia are mostly plain and hence the three sculptured menhirs found at Pengkalan Kempas in Negeri Sembilan have drawn a lot of attention. These have been nicknamed Sword, Rudder and Spoon after their distinctive shapes. Carvings on the Sword and the Rudder include mythical creatures prompting the belief that these menhirs date to the Hindu period. The Sword also has the word 'Allah' on it inscribed in Jawi characters and this is believed to have been added much later. The Spoon does not have any carvings but has been sculptured into an arched top. Replicas of the Sword and the Rudder can be found at Muzium Negara.

Petronas came across a group of menhirs in Negeri Sembilan during excavations to lay a gas pipeline. These were excavated and re-erected in a stretch of land between Dayabumi and the Kuala Lumpur Railway Station and the area was named the Petronas Megalith Garden. The megaliths have now been relocated to a permanent home at the Laman Megalith in Taman Putra Perdana in Putrajaya. Here, the visitor is presented with over 80 megaliths including replicas of the Sword, Rudder and Spoon. This is a place worthy of visit.

# COLLASIA CONCLUDING FORUM: NEXT STEPS DEVELOPING AND SUSTAINING APPROPRIATE SKILLS IN CONSERVATION: EDUCATIONAL STRATEGIES FOR LIFE-LONG LEARNING.

Oleh : Syahrizul Amin bin Ahmad, Unit Latihan JMM (syahrizul@jmm.gov.my)

CollAsia Concluding Forum: Next Steps Developing and Sustaining Appropriate Skills in Conservation: Educational Strategies for Life-long Learning ialah satu forum yang lebih memfokuskan mengenai pengalaman para peserta berkenaan kerja-kerja konservasi (monumen dan koleksi) yang telah dilaksanakan. Forum ini berbentuk perkongsian melalui perbentangan kertas kerja masing-masing dan sesi soal jawab.

Dua orang staf Jabatan Muzium Malaysia telah dipilih mengikuti forum ini yang berlangsung dari 8 hingga 13 Ogos 2011 bertempat di National Museum of Philippines, Manila. Mereka ialah Cik Hamidah binti Kusnan (Kurator, Pusat Konservasi Negara) dan Cik Noritah binti Jamlin (Penolong Kurator, Muzium Marin Labuan). Forum ini adalah satu program anjuran bersama CCROM, SPAFA, The Getty Foundation dan National Museum of Philippines.

Tujuan forum ini untuk mendalami dan berkongsi maklumat mengenai kerja-kerja konservasi yang dilaksanakan oleh setiap peserta sama ada merangkumi pelaksanaan, latihan, cadangan dan kajian yang mempunyai perkaitan dengan bidang permuziuman dari negara rantau Asia Tenggara amnya. Forum ini telah memberikan satu pendedahan yang baik berkenaan kerja-kerja yang berkaitan konservasi yang telah atau masih dalam pelaksanaan di negara-negara rantau Asia Tenggara. Forum ini membolehkan perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam bidang Konservasi (Monumen dan Koleksi) yang merangkumi pelaksanaan, latihan, cadangan dan kajian yang komprehensif.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah forum seumpama ini amat baik sebagai pendedahan kepada semua pegawai yang mempunyai pengalaman dalam bidang permuziuman serta dapat berkongsi dengan rakan-rakan sepejuangan dari negara luar yang menjalankan rutin dan bidang kerja yang sama.



Majlis perasmian CollAsia Concluding Forum oleh Mr Jeremy Barns, Pengarah National Museum of Philippine spada 09 Ogos 2011 di National Museum of Philippines.



Pembentangan kertas kerja oleh Kurator, Pusat Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia, Cik Hamidah binti Kusnan. Tajuk: Changing the Community's Perceptions of Museums in Malaysia pada 9 Ogos 2011 di National Museum of Philippines.



Pembentangan kertas kerja oleh Penolong Kurator JMM Wilayah Labuan, Cik Noritah binti Jamlin. Tajuk : Marine Conservation: The Basic Implementation in Aquariums Exhibition at Labuan Marine Museum, Federal Territory of Labuan, Malaysia pada 10 Ogos 2011.

# SIDANG MEDIA TEXTILE TALK

Oleh: Maisaraf binti Marman, Unit Sukarelawan Muzium & Pengacaraan (maisaraf@jmm.gov.my)



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail sedang memberikan penerangan semasa Sidang Media bagi Pameran Batik Ela: Reka Corak dan Inovasi 1960-an - 1990-an yang akan diadakan di Muzium Tekstil Negara.

Muzium Tekstil Negara telah melangsungkan Majlis Sidang Media Pameran Batik Ela: Reka Corak dan Inovasi 1960-an - 1990-an pada 1 Disember 2011 yang lalu. Pameran ini merupakan pameran khas yang diadakan di Muzium Tekstil Negara bersempena Karnival Tekstil 2011, dan sebagai satu penghormatan kepada industri Batik Malaysia sempena sambutan pembuatan batik Kelantan.

Pameran ini mengetengahkan kekayaan tradisi batik ela buatan tangan dengan menggunakan teknik cap. Ia menggambarkan sepintas lalu sumbangan besar batik ela melalui reka bentuk, corak dan motif yang dicipta dari tahun 1960-an hingga 1990-an. Pameran ini telah menyediakan sumber maklumat dan pengetahuan mengenai sejarah awal reka bentuk batik dan sebagai sumber inspirasi kepada generasi baru terutama kepada pereka dan pembuat batik.

Sidang media yang berlangsung pada jam 6.00 petang itu, telah dihadiri oleh Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail serta pegawai-pegawai kanan JMM. Media yang

hadir ialah wartawan daripada Berita Harian, Business Kini dan RTM.

Pameran ini telah membawa pelawat mengikuti pengembaraan berbentuk sentimental, kenangan silam yang telah dilupakan semasa era kegemilangan batik pada tahun 1960-an, 1970-an, 1980-an dan 1990-an terutamanya semasa pembuatan batik cop dan batik canting yang kemudiannya berada di kemuncak aktiviti ekonomi di Kota Bharu serta di sekitar Kuala Lumpur.



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail turut tertarik dengan salah satu koleksi batik yang dipamerkan di Pameran Batik Ela: Reka Corak dan Inovasi 1960-an - 1990-an.

## MAJLIS SIDANG MEDIA PAMERAN BUAYA DI MUZIUM ALAM SEMULA JADI



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail sedang memberikan penerangan dan maklumat semasa Sidang Media bagi Pameran Buaya yang telah diadakan di Muzium Alam Semula Jadi.

Majlis Sidang Media Pameran Buaya telah diadakan pada 21 November 2011 bertempat di Muzium Alam Semula Jadi. Majlis ini bertujuan memberikan pendedahan awal tentang Pameran Misteri Sang Buaya yang akan berlangsung mulai 26 November 2011 hingga 31 Januari 2012 dan sebagai satu usaha untuk mencapai sasaran pengunjung sempena musim cuti sekolah bermula 19 November 2011 hingga 3 Januari 2012.

Sidang media tersebut dihadiri oleh Ketua Pengarah JMM, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail beserta 50 orang kakitangan Jabatan Muzium Malaysia, dua orang kakitangan FELDA serta 10 orang wartawan termasuk jurugambar daripada RTM, Sinar Harian, Bernam, Businesskini, Kosmo dan Harian Metro.

Bercakap pada sidang media tersebut, YBhg. Dato' Ibrahim berkata, skop pameran ini merangkumi sejarah awal kewujudan buaya, penemuan fosil yang membuktikan kewujudannya pada zaman prasejarah dan spesies buaya yang terdapat di Malaysia. Selain buaya Puchong, pameran ini turut mempamerkan banyak buaya daripada spesies buaya tembaga (*Crocodylus Porosus*) dan buaya jejulung (*Tomistoma Schlegelii*).

## MAJLIS SIDANG MEDIA PAMERAN BUSANA PERKAHWINAN MUTIARA



YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail sedang memberikan penerangan semasa Sidang Media bagi Pameran Busana Perkahwinan Mutiara yang akan diadakan di Muzium Negara.

Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Majlis Sidang Media Pameran Busana Perkahwinan Mutiara pada 29 November 2011 bertempat di Jabatan Muzium Malaysia. Seramai 42 wakil media hadir yang terdiri daripada pelbagai media termasuk media cetak, media elektronik, media sosial dan lain-lain. Antara media yang hadir termasuklah BERNAMA, majalah Nona, Business Kini, Nanyang Sian Pau, Kwong Wah Yit Poh, Utusan, Majalah Chanteq, Rotikaya dan Murai.com. Tidak ketinggalan penampilan khas pereka tersohor tanah air, Profesor Dato' (Dr.) Jimmy Choo OBE dan pemilik Rafflesia, Encik Sin dan isterinya, Winnie. Barisan selebriti yang hadir pada majlis tersebut ialah Tasha Shila, Izara Aishah, Faralya Idris, Bkay Nair, Amber Chia dan Memey Suhaiza. Pegawai-pegawai kanan JMM turut hadir untuk memeriahkan majlis pada petang itu.

Majlis sidang media yang diadakan ini bertujuan menghebahkan kepada media dan orang ramai mengenai Pameran Busana Perkahwinan Mutiara yang berlangsung dari 26 November hingga 31 Disember 2011 bertempat di Muzium Negara. Objektif pameran ini ialah memperagakan koleksi perkahwinan berkonsepkan mutiara selain mengetengahkan hasil rekaan pereka fesyen terkemuka tanah air yang menggunakan mutiara dalam himpunan rekaan masing-masing.

# KURSUS PENYEDIAAN PANEL GRAFIK DAN PAMERAN

Oleh : Syahrizul Amin bin Ahmad, Unit Latihan JMM (shahrizul@jmm.gov.my)



Peserta sedang menyiapkan tugas penyediaan panel grafik sambil dipantau oleh penceramah yang dijemput khas untuk mengendalikan kursus penyediaan panel grafik dan pameran.

Bertempat di Bilik Latihan Bahagian Teknologi Maklumat Jabatan Muzium Malaysia, telah diadakan Kursus Penyediaan Panel Grafik dan Pameran. Kursus ini bermula dari 5 hingga 7 Disember 2011. Secara umumnya, kursus ini diadakan bertujuan meningkatkan mutu hasil kerja grafik serta meningkatkan kepakaran kakitangan Jabatan Muzium Malaysia supaya lebih kreatif dalam penghasilan panel grafik yang lebih menarik dan bermutu.

Antara topik yang disampaikan oleh penceramah ialah Penyediaan Latar Belakang Poster dan Format Poster Bersesuaian, Penyediaan Saiz Poster dalam Perisian Illustrator dan Photoshop, Teori dan Kaedah Penyediaan Poster Grafik Bersaiz Besar dan lain-lain lagi. Penceramah dijemput khas untuk membimbing kursus ini ialah Encik Zulkifli bin Hashim.

Seramai 16 orang peserta Kumpulan Sokongan 1 (Gred 32 - 17 ) daripada Jabatan Muzium Malaysia dan 4 orang peserta luar mengikuti Kursus Penyediaan Panel Grafik dan Pameran pada kali ini.



Para peserta sedang mendengar taklimat dari penceramah.



Peserta sedang membuat latihan yang diberikan.

# SEMINAR PERCAMBAHAN ILMU

Oleh : Syahrizul Amin bin Ahmad, Unit Latihan JMM.



YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia membentangkan kertas kerja beliau selaku pembentang pertama.

Bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia, telah diadakan Seminar Percambahan Ilmu. Seminar ini telah diadakan pada 6 Disember 2011 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Secara umumnya, seminar ini diadakan bertujuan mendedahkan kepada semua warga Jabatan Muzium Malaysia tentang maklumat serta perkongsiaan ilmu yang boleh disumbangkan oleh pegawai-pegawai yang telah menjalankan kursus, lawatan, persidangan serta mesyuarat di luar negara sepanjang tahun 2011.

Pembentang terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Muzium Malaysia yang telah dihantar menjalankan atau menghadiri kursus, lawatan, persidangan serta mesyuarat di luar negara sepanjang tahun 2011. Sebanyak 12 pembentangan telah berjaya dijalankan sepanjang tempoh seminar berlangsung.

Semua warga Jabatan Muzium Malaysia telah dijemput menghadiri seminar ini.



Keribaan YBhg Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia.



Para peserta seminar sedang mendengar pembentangan daripada pembentang seminar.

# ASEAN CULTURAL YOUTH CAMP: WE FEEL, WE CARE AND WE SHARE OUR CULTURE IDENTITY

Oleh : Raja Suriaty binti Raja Ahmed, Muzium Etnologi Dunia Melayu (raja\_suriaty@jmm.gov.my)

ASEAN Cultural Youth Camp - We Feel, We Care and We Share Our Culture Identity telah diadakan di Jogjakarta, Indonesia dari 20-27 November 2011. Aktiviti interaktif selama tujuh hari yang melibatkan seramai 70 orang wakil belia dari negara-negara ASEAN (Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, Thailand, Filipina, Kemboja, Myanmar, Laos dan Vietnam) untuk berkongsi pengalaman, berinteraksi sesama peserta, mempersembahkan demonstrasi aspek kebudayaan yang dimiliki, mempromosi serta menggalakkan semangat setiakawan dan persefahaman antara peserta.

Empat orang peserta dari Malaysia, iaitu Encik Jasmi bin Rasit (JKKN), Cik Raja Suriaty binti Raja Ahmed (JMM), Cik Dayana binti Nabila (BERNAMA) dan Encik Faizal bin Kamari (IB) telah menyertai program ini yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Republik Indonesia. Antara aktiviti para peserta sepanjang program ini ialah *country presentation*, *cultural presentation*, cerita rakyat, permainan tradisi, bengkel seni tari dan muzik, lawatan ke tempat budaya, pameran dan persembahan. Sepanjang program, para peserta telah menginap di Hotel Pondok Tingal, Borobudur.

Melalui program ini, para peserta dari seluruh negara ASEAN dapat menguatkan hubungan peribadi dan artistik dalam kalangan belia daripada pelbagai latar belakang disiplin dan cabang seni, mempromosi pengetahuan dan persefahaman melalui interaksi budaya yang berkesan, saling berkongsi dan memupuk persefahaman tentang budaya lokal setiap negara ASEAN yang terlibat dan menggalakkan jalinan perhubungan antara peserta-peserta dari negara ASEAN.



Peserta bergambar kenangan di hadapan candi.



Aktiviti membaik pulih struktur candi merupakan salah satu aktiviti yang mencabar peserta.



Cik Raja Suriaty Raja Ahmed memperlihatkan hasil kerja tangan tanah liat.



# PROGRAM JEJAK SEJARAH DI MUZIUM CHIMNEY

Oleh : Alice Jpius, Muzium Chimney (alice@jmm.gov.my)

Muzium Chimney telah mengadakan Program Jejak Sejarah pada 17 dan 26 Disember 2011 yang lalu dengan melibatkan peserta daripada Kolej Matrikulasi Labuan dan Persatuan Belia Kampung Bukit Kalam. Jumlah penyertaan seramai 30 orang. Program tahunan ini bertujuan memberikan peluang dan pengalaman kepada para peserta merasai suasana menjelajah kawasan Tanjung Kubong bagi melihat sendiri kesan aktiviti bekas perlombongan arang batu dan tinggalan monumen bersejarah yang produktif suatu masa dahulu.

Program yang bermula seawal jam 7.30 pagi itu dimulai dengan taklimat keselamatan dan penerangan ringkas tentang lokasi monumen serta jarak perjalanan yang perlu dipatuhi. Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Alice Jpius, Ketua Unit Muzium Chimney. Para peserta kemudiannya dibawa menjelajah dan menyelusuri monumen dan tapak-tapak bersejarah seperti Gedung Ubat, Tapak-tapak terowong arang batu, tapak perkuburan British dan gerbang laut yang sememangnya sinonim dengan masyarakat setempat sebagai produk pelancongan yang terkenal di WP Labuan. Keseronokan dan minat mendalam peserta dapat dizahirkan melalui pengalaman menempuh perjalanan jauh di samping menikmati keindahan fauna di kawasan Tanjung Kubong serta dapat mengharungi halangan dan rintangan dengan berkesan.

Pada akhir program, lawatan berpandu ke galeri pameran telah diberikan oleh pemudah cara untuk memberikan kefahaman yang jelas mengenai sejarah awal Chimney dan perkaitannya dengan aktiviti perlombongan arang batu di kawasan Tanjung Kubong sekitar abad ke-19. Penganjuran program ini sekali gus dapat meningkatkan jumlah kunjungan pelawat ke Muzium Chimney di samping memupuk kesedaran kepada masyarakat untuk lebih menghayati, menghargai dan peka terhadap kewujudan dan kepentingan monumen serta tapak-tapak bersejarah di kawasan Tanjung Kubong.



Para peserta bergambar di hadapan Gedung Ubat, salah satu monumen unik di kawasan Tanjung Kubong.



Puan Alice Jpius memberikan taklimat kepada peserta mengenai kedudukan lapisan arang batu yang terdapat di pesisir pantai di Tanjung Kubong.



Para peserta menuju laluan masuk ke Tapak Perkuburan British, salah satu monumen yang terdapat di Tanjung Kubong.

# JEBAK PUYUH : LEGASI JERAT YANG SEMAKIN HILANG

Oleh : Zarinah Sarifan, Bahagian Perkhidmatan Muzium (zarinah@jmm.gov.my)

“Setelah datang pada ketika hari yang baik maka baginda pun berangkatlah dengan Ratu Melayu ke Gunung Ledang dengan segala bunyi-bunyian terlalu ramai. Maka baginda pun singgah segenap pulau berburu dan bermain. Maka terlalu banyak beroleh perburuan berbagai-bagai rupanya.”

(*Hikayat Hang Tuah*, bab Melaka Menjadi Negeri)

Berdasarkan petikan daripada sebuah hikayat lama ini menunjukkan bahawa kegiatan memburu binatang merupakan antara aktiviti yang sangat diminati oleh golongan aristokrat pada zaman itu. Golongan bangsawan pada abad ke 15 sehingga awal abad ke-20 menjadikannya sebagai kegiatan mengisi masa senggang, khususnya di kawasan hutan mahupun belukar berhampiran taman-taman istana. Apa sahaja binatang yang sesuai diburu sama ada besar mahupun kecil, buas mahupun jinak, apatah lagi yang boleh menjadi sumber makanan menjadi sasaran golongan ini. Hasil pemburuan selain untuk kepuasan persendirian atau keperluan harian, ia turut menjadi pengukur kehebatan individu terbabit.

Selain menjadi kesukaan golongan istana, kegiatan ini turut digemari orang kebanyakan termasuk anak-anak muda. Untuk tujuan ini, senjata yang sesuai atau satu alat pemburuan seperti jerat/perangkap dan sebagainya akan digunakan, salah satu yang terkenal ialah alat menjerat mergastua yang dinamai Jebak Puyuh.

Sebagai satu alat menjerat, Jebak puyuh memerlukan kemahiran dalam pembuatannya. Begitu juga dari segi bahan-bahan yang diperlukan untuk menyiapkan sebuah jebak puyuh juga terdiri daripada pelbagai jenis. Pada sebuah jebak puyuh memerlukan kemahiran membentuk,

menganyam dan mengukir. Keunikan bentuk dan seni hias ukiran pada bahagian kepala dan badan jebak menjadikan ia sangat istimewa dan indah. Apatah lagi jebak puyuh yang dimiliki oleh golongan bangsawan, segalanya diukir dengan begitu halus dan berseni, khususnya pada bahagian gunung yang secara tidak langsung dapat menjadi lambang status pemiliknya. Pada zaman itu, gunung adalah ukiran khas yang digunakan untuk memberikN makna status dan keunikan kepada golongan yang mempunyai kuasa, selain dikatakan sebagai mempunyai pengaruh etos Hindu.



Gunungan dihiasi ukiran tebuk tembus bermotif daun menyerupai daun lantar/ta.

Sebuah Jebak Puyuh mempunyai beberapa bahagian asas, iaitu papan alas, badan/serungkup dan muka berpintu yang lazimnya juga berjaring. Untuk mencantikkan sesebuah jebak, ia ditambah hiasan kayu gunungan dan tepi muka yang berukir. Setiap satu bahagian ini menggunakan bahan yang berlainan, antaranya papan alas daripada kayu (bahagian tepi biasanya turut diukir), badan/serungkup daripada sulur pokok ribu-ribu dan pokok resam yang telah dikeringkan, muka berpintu daripada bilahan buluh atau kayu serta berjaring, tulang belakang serungkup diperbuat daripada rotan, manakala anyaman pada serungkup menggunakan rotan yang diraut. Pada kedua-dua tepi penutup diletakkan besi bulat sebagai pemberat.



Pokok Ribu-ribu Besar



Pokok Ribu-ribu Kecil



Pokok Ribu-ribu Besar yang telah dikeringkan.

Semenjak sekian lama, serungkup jebak puyuh dibuat dalam saiznya yang tidak begitu besar, lazimnya antara 20 - 30 cm sahaja. Corak pada serungkup menggunakan beberapa teknik anyaman, antaranya dinamai siku keluang dan tulang belut. Namun pada masa kini sudah ditemukan saiz serungkup yang relatifnya cukup besar untuk seekor burung puyuh, namun sebenarnya ia tidak lagi digunakan untuk tujuan tersebut. Sebaliknya fungsi serungkup dalam bentuk dan corak sedemikian telah dipelbagaikan. Dewasa ini pembuat jebak puyuh telah mempelbagaikan penggunaannya menjadi sangkar kucing dan penutup lampu hiasan. Semenjak kebelakangan ini permintaan terhadap jebak puyuh semakin merosot lantaran semakin berkurangnya kegiatan menjebak puyuh dalam kalangan orang ramai, maka pembuat jebak terpaksa mencari alternatif untuk meneruskan kelangsungan hidup. Apatah lagi kini burung puyuh telah ditenak untuk memenuhi permintaan terhadap daging dan telurnya, justeru pengusaha jebak puyuh terpaksa akur kepada persaingan daripada

pengusaha ternak puyuh. Jebak puyuh hanya dihasilkan berdasarkan permintaan khusus daripada peminatnya atau ditempah oleh institusi tertentu atas tujuan yang tertentu juga.



Jebak Puyuh - serungkup bersaiz kecil hingga sederhana.



Sangkar kucing - saiz serungkup sehingga 50 cm.



Serungkup sedang disiapakan menggunakan sulur pokok ribu-ribu. Ratan digunakan sebagai tulang belakang, manakala alasnya daripada kayu setol.

Semasa memburu puyuh liar, jebak ini akan diletakkan di celah-celah tumbuhan, biasanya di kawasan semak atau belukar kecil yang agak tersembunyi dan diletakkan pada kedudukan rata di permukaan tanah. Seekor puyuh denak akan diletakkan di dalam jebak, bertindak sebagai pemikat melalui bunyi ciapan yang dihasilkan. Tali jerat akan dilaraskan pada pintu jebak dengan cara menongkatkan tiang pelantik pada muka pintunya. Sebaik burung liar masuk dan terpijak atau terlanggar tali jerat yang dipasang, dengan sendirinya pintu jebak yang berjaring akan jatuh dan seterusnya memerangkap puyuh di dalamnya.



Jebak diletakkan di atas tanah pada kawasan bersemak untuk menjerat burung puyuh



Perbezaan motif lama dan motif baharu. Sebelah kiri menggunakan motif lama, lazimnya bersumberkan bunga kecil dengan sulur menaik ke atas. Di sebelah kanan menggunakan motif baharu, dengan bunga ros sebagai inspirasi.

Kini, jebak puyuh lazim dapat dilihat di muzium-muzium, galeri-galeri seni dan orang perseorangan yang meminati khazanah warisan silam. Malahan, bukan sedikit orang muda zaman sekarang yang tidak mengenali langsung Jebak Puyuh ini. Walaupun pengusaha masa kini masih menggunakan sumber tumbuhan sebagai motif ukiran, namun maksud tersirat di sebalik penghasilan motif tersebut tidak lagi memenuhi aspirasi dan falsafah



Bahagian gunung dukir penuh dengan motif ketumbit daripada punca benih atau punca rahata. Dua sisi penutupnya dukir berkerawang motif sulur bayu.

seniman silam yang padat dengan penghayatan dan simbolik. Misalnya melalui pilihan motif kontemporari seperti bunga ros, ia kurang memenuhi konsep pola yang mempunyai permulaan dan pengakhiran yang dahulunya sangat dititikberatkan oleh para pengukir. Ini berlainan sekali dengan pilihan motif pengukir-pengukir zaman silam. Meskipun tetap menggunakan sumber tumbuhan, namun lazimnya tumbuhan yang dipilih adalah daripada jenis menyulur ke atas sebagai lambang kepatuhan kepada Maha Pencipta.

# XPDC Gunung Tahan Siri 4/2011

Oleh : Khairul Nizam bin Mohamad, Bahagian Keselamatan (khairulnizam@jmm.gov.my)



Aktiviti mendaki gunung di negara ini sudah semakin popular tidak mengira usia dan bangsa. Pengemar sukan lasak seperti mendaki gunung sudah semestinya menyukai cabaran dan mempunyai daya tahan yang tinggi apabila memiliki minat terhadap sukan ekstrem ini. Di Malaysia, sukan ekstrem atau dalam bahasa Inggerisnya X-games semakin hari semakin diminati oleh golongan remaja dewasa ini. Seramai 25 orang peserta menyahut cabaran menjayakan XPDC Gunung Tahan Siri 4/2011 di Pahang anjuran Persatuan Kebajikan, Sukan dan Rekreasi JMM (WARIS) pada 30 September hingga 3 Oktober 2011.

Aktiviti selama empat hari tiga malam itu telah disertai oleh 18 kakitangan Jabatan Muzium Malaysia, empat orang peserta NGO dan dua orang media daripada Majalah Santai. Laluan Merapoh-Gunung Tahan-Merapoh sebagai trek pendakian. Terkenal sebagai puncak gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia dengan ketinggian 2,187 meter dari paras laut, sudah semestinya laluan tersedia menjanjikan pelbagai cabaran untuk ditempuh oleh para pendaki.



Para pendaki bergambar di pintu masuk utama sebelum memulakan pendakian.



Regangan otot dilakukan sebelum pendaki memulakan pendakian.

# BERITA STAF

PENYIARAN DI BAWAH PERATURAN 18(1) PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM 2011

## KURATOR GRED S48 YANG DILULUSKAN PEMANGKUAN GRED S52

1. Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof - Berkuat kuasa mulai 1 November 2011

## KURATOR GRED S48 YANG DILULUSKAN PEMANGKUAN GRED S52 KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)

1. Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi - Berkuat kuasa mulai 1 November 2011

## KURATOR GRED S44 YANG DILULUSKAN PEMANGKUAN KE GRED S48

1. Puan Eyo Leng Yan - Berkuat kuasa mulai 24 Oktober 2011
2. Encik Kamarul Amri bin Zakaria - Berkuat kuasa mulai 24 Oktober 2011

## KENAIKAN PANGKAT KURATOR GRED S44 KE GRED48

1. Puan Farizawati binti Sabri - Berkuat kuasa mulai 29 Oktober 2011

## PEGAWAI BERSARA

1. Tuan Haji Zawawi bin Haji Itam Osman - Berkuat kuasa mulai 1 November 2011  
(Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan dan Pembangunan)



# KOLEKSI MUZIUM



## Arca Buddha Duduk *Arch of Seated Buddha*

Arca Buddha duduk yang diperbuat daripada tanah liat ini ditemukan di Pengkalan Bujang, Selatan Kedah dianggarkan berusia antara C1,000 - 1100 CE.

A Terracota Seated Buddha image found at Pengkalan Bujang, South Kedah, is dated c.1000-1100 CE

## Loceng Gangsa *The Bronze Bell*

Loceng Gangsa yang ditemukan di Kampung Pencu, Muar, Johor ini dipercayai digunakan sebagai lambang kuasa dan status pemiliknya. Reka bentuk dan corak yang terdapat pada loceng gangsa ini membuktikan ia berasal dari tempat yang sama dengan gendang Dong Son yang lain. Berdasarkan pertarikan 'thermoluminescence', ia dipercayai dihasilkan sekitar 150 CE, iaitu bersamaan dengan perluasan kuasa kerajaan Funan.

The bronze bell, was found by a villager in Kampung Pencu, near Muar, Johor, it believed that the bronze bell were not imported commercial use, but as special objects to symbolize the power and status of their owner. The similarity of the design, shape and size of these bells prove that they originated from the same place. Based on the thermoluminescence date of the bronze bell from Muar, it is believed that they were produced around 150 CE, which coincides with the expansion of the kingdom of Funan.



# RESENSI BUKU

Kelolaan : Unit Perpustakaan JMM



**Judul :** Kompilasi Kajian Kes Konservasi Artifak

**Penyusun :** Zamrul Amri Bin Zakaria

**ISBN :** 978-967-9935-99-8


**Ketebalan :** 108 Muka Surat

**Harga :** RM24.00

**Penerbit :** Jabatan Muzium Malaysia / 2011

Buku ini merupakan kompilasi kajian kes yang telah dijalankan terhadap khazanah warisan negara yang telah mengaplikasikan pelbagai teknik konservasi. Pendokumentasi kajian kes ini dapat menjelaskan mengenai penggunaan teknik konservasi yang bersesuaian terhadap penjagaan artifak mengikut tahap kerosakan. Pelbagai bahan dan teknik digunakan bagi membantu menyelamatkan dan memanjangkan jangka hayat sesebuah artifak. Penerbitan buku ini bersesuaian dengan bahan rujukan dan panduan kepada konservator, pelajar IPT, profesional muzium dan individu-individu yang cuba memahami dan mendalami teknik yang

bersesuaian semasa menjalankan proses konservasi. Penggunaan gaya bahasa yang santai memudahkan para pembaca memahami maklumat yang disampaikan. Selain itu, buku ini juga turut mengupas mengenai penggunaan bahan yang bersesuaian semasa merawat artifak agar nilai-nilai estetik dapat dikekalkan. Buku ini hanya terdapat dalam versi Bahasa Malaysia.



**Judul :** Wacana Kurator

**ISBN :** 978-967-0372-02-0

**Ketebalan :** 112 Muka Surat

**Harga :** RM25.00

**Penerbit :** Jabatan Muzium Malaysia / 2011

Buku ini mengandungi kompilasi kertas kerja yang terpilih, iaitu sesi pembentangan Forum Kurator dari tahun 2003-2007. Ia bertujuan menyetengahkan aspek penyelidikan berkenaan bidang per muzium yang merangkumi bidang sejarah dan kebudayaan negara. Wacana Kurator ini juga bertujuan memperkenalkan hasil kajian daripada kurator yang terlibat dengan aktiviti per muzium sama ada secara langsung serta tidak langsung. Sebahagiannya masih meneruskan penglibatan dengan Jabatan Muzium Malaysia, namun terdapat juga kurator yang telah meninggalkan muzium untuk terlibat dalam pengembangan profesionalisme

masing-masing. Namun begitu, hasil kajian mereka masih menjadi wadah kepada penghayatan ilmu dan pembentukan budaya ilmu yang menjadi teras institusi per muzium negara. Buku ini sesuai untuk para penyelidik, para pelajar serta individu perseorangan yang berminat dengan kajian yang telah dijalankan.

Buku ini boleh didapati di Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur. Untuk membuat pesanan melalui telefon, sila hubungi : (+603) 2282-6255 atau melalui laman sesawang JMM di [www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



# KENALI MUZIUM

## MUZIUM

### ARKEOLOGI

### LEMBAH BUJANG

<http://www.jmm.gov.my/en/museum/lembah-bujang-archaeological-museum>



Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang terletak di atas Bukit Batu Pahat, Merbok, Kedah telah dirasmikan pada 23 Januari 1980 oleh Duli Yang Maha Mulia, Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Muzium ini merupakan Muzium Arkeologi yang pertama dibina di Malaysia, di bawah tanggungjawab Jabatan Muzium Malaysia, khusus bagi mempamerkan artifak-artifak arkeologi Proto Sejarah atau pra Islam yang mengaitkan Lembah Bujang sebagai sebuah entrepot yang terunggul di Asia Tenggara pada abad kedua Masihi hingga ke-14 Masihi.

Objektif utama penubuhan Muzium Arkeologi ini ialah merancang dan melaksanakan penyelidikan, menyelamat, melindungi dan mempamerkan penemuan arkeologi dan tapak-tapak tanah bersejarah dari abad kedua Masihi hingga ke-14 Masihi yang ditemukan di sekitar Lembah Bujang yang merangkumi kawasan seluas 400 km persegi meliputi keluasan keseluruhan selatan Gunung Jerai yang terdiri daripada tiga kawasan utama iaitu :-

- i. Kawasan pergunungan dan bukit
- ii. Lembah Sungai Merbok dan Sungai Muda
- iii. Pesisir pantai yang meliputi Daerah Kota Setar, Yan, Kuala Muda, Kulim dan Seberang Perai

Bukti-bukti arkeologi dan catatan sejarah telah menunjukkan bahawa pada abad kedua Masihi hingga ke-14 Masihi, Lembah Bujang merupakan pusat perdagangan utama. Sungai Merbok merupakan pelabuhan yang menjadi tumpuan dan persinggahan pedagang-pedagang dari pusat awal tamadun manusia iaitu China, India dan Arab yang bertemu dan berurus niaga dengan pedagang-pedagang tempatan terutama dari Kepulauan Melayu seperti Funan, Srivijaya, Langkasuka, Khmer dan Siam.

Artifak-artifak yang dipamerkan ini merupakan artifak arkeologi yang ditemukan dalam kerja-kerja penyelidikan dan ekskavasi arkeologi di Lembah Bujang sejak tahun 1840 hingga kini.

Muzium Arkeologi Lembah Bujang diketuai oleh Encik Zulkifli bin Jaafar. Waktu Operasi dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari kecuali pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha. Bayaran masuk percuma.



# Penerbitan JMM 2011



Judul : Panduan Galeri Muzium Negara  
Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2011



Judul : Berita JMM Jilid 9 Bil.1 / Jilid 10 Bil.2  
Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2011



Judul : Keranda: Tradisi & Misteri  
Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2011



Judul : Sacred Ikat From Heirloom To Trade  
Penerbit : Jabatan Muzium Malaysia / 2011



# Muzium-muzium di bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



MUZIUM NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT,  
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK,  
TAIPING, PERAK



GALERIA PERDANA,  
LANGKAUI



MUZIUM MATANG,  
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI  
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,  
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,  
LABUAN



MUZIUM ARKEOLOGI LENGGONG,  
PERAK



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,  
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,  
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,  
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,  
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,  
JOHOR



MUZIUM LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM LUKUT,  
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,  
PUTRAJAYA

KUNJUNGILAH  
MUZIUM



